

Hubungan antara Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua dengan Tahap Keciciran Murid B40 di Selangor

(The Relationship Between Principals' Management Practices of Students' Needs and the Dropout Rate of B40 Students in Selangor)

Noor Syafiza Ariffin^{1*}, Bity Salwana Alias²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p113511@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: bity@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Noor Syafiza Ariffin
(p113511@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Keciciran murid
Murid B40
Amalan pengurusan keperluan
murid
Pengetua sekolah

KEYWORDS:

Student dropout
B40 students
Student needs management
practices
School principals

CITATION:

Noor Syafiza Ariffin, & Bity Salwana Alias.
(2025). Hubungan antara Amalan
Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua
dengan Tahap Keciciran Murid B40 di
Selangor. *Malaysian Journal of Social
Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(6),
e003436.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i6.3436>

ABSTRAK

Isu keciciran murid B40 kekal sebagai cabaran signifikan dalam landskap pendidikan Malaysia meskipun pelbagai dasar diperkenalkan. Kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua dengan tahap keciciran murid B40 di Selangor. Kajian ini penting memandangkan keperluan untuk memahami peranan pengetua dalam menangani isu keciciran murid B40 secara holistik. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif melibatkan 23 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Selangor yang dipilih melalui persampelan rawak berstrata dan 377 orang guru dengan teknik persampelan rawak mudah. Instrumen kajian adalah soal selidik menggunakan skala Likert lima mata. Data dianalisis secara statistik deskriptif (min, sisihan piawai) dan inferensi (ujian korelasi Pearson) menggunakan perisian SPSS versi 29. Dapatan menunjukkan amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua berada pada tahap sangat tinggi (min=4.274, SP=0.484) manakala keciciran murid B40 di Selangor berada pada tahap rendah (min=2.140, SP=0.572). Analisis korelasi menunjukkan hubungan negatif yang signifikan pada tahap sederhana ($r=-0.382$, $p<0.001$) yang bermakna semakin tinggi amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua, semakin rendah tahap keciciran murid B40. Kajian ini mengukuhkan implikasi Teori Keperluan Maslow yang menyatakan keperluan manusia perlu diurus dengan baik agar mereka bermotivasi untuk meneruskan persekolahan. Dalam konteks kajian ini, motivasi murid untuk hadir ke sekolah dapat dipengaruhi melalui pengurusan keperluan murid yang efektif oleh pengetua. Dapatan menunjukkan bahawa dimensi keperluan asas mencatatkan skor paling rendah dalam kalangan lima dimensi keperluan yang dikaji. Penemuan ini memberi isyarat bahawa aspek keperluan asas perlu diberikan

perhatian dalam amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua terutamanya bagi murid B40 yang berisiko tinggi untuk tercicir.

ABSTRACT

The dropout issue among B40 students remains a significant challenge in Malaysia's education landscape despite various policies being introduced. This study aims to examine the relationship between principals' management practices of students' needs and dropout rate of B40 students in Selangor. The study is important due to urgent need to understand the role of school principals in addressing B40 student dropout issues in holistic manner. This quantitative survey involved 23 national secondary schools in Selangor selected through stratified random sampling, with 377 teachers chosen using simple random sampling. The research instrument was questionnaire based on five-point Likert scale. Data were analysed using descriptive statistics (mean, standard deviation) and inferential statistics (Pearson correlation test) via SPSS version 29. The findings indicated the principals' management practices of students' needs were at a very high level (mean=4.274, SD=0.484), while the dropout level of B40 students in Selangor was low (mean=2.140, SD=0.572). Correlation analysis revealed a moderate and significant negative relationship ($r=-0.382$, $p<0.001$), indicating that the higher principals' management of student needs, the lower dropout rate among B40 students. The study reinforces implication of Maslow's Hierarchy of Needs, which states that human needs must be managed effectively for individuals to be motivated to continue schooling. In this context, student motivation to attend school can be influenced by effective need-based management by principals. The findings also revealed that the basic needs dimension recorded the lowest score among the five assessed dimensions, indicating that basic needs must be prioritised in principals' management practices, especially for high-risk B40 students.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur dalam menilai secara sistematik peranan amalan pengurusan pengetua berasaskan Teori Keperluan Maslow dalam memenuhi keperluan murid B40 bagi mengurangkan risiko keciciran secara berkesan serta menyokong pembangunan model pengurusan sekolah yang lebih berfokus kepada kesejahteraan murid berisiko, holistik, inklusif dan bersifat lestari.

1. Pengenalan

Keciciran murid merujuk kepada keadaan apabila seseorang murid tidak hadir ke sekolah secara berterusan tanpa alasan munasabah dan akhirnya tidak kembali meneruskan persekolahan, sehingga menyebabkan terputusnya penglibatan dalam sistem pendidikan formal, seperti yang dijelaskan oleh [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2018\)](#). Fenomena ini memberi kesan besar terhadap pembentukan modal insan negara dan menjejaskan matlamat pendidikan untuk melahirkan individu berilmu, berkemahiran dan seimbang.

Dalam konteks Malaysia, murid daripada golongan B40 sering dikenal pasti sebagai kumpulan paling terdedah kepada keciciran. B40 merujuk kepada isi rumah dengan purata pendapatan bulanan kurang daripada RM5,250, iaitu 40 peratus terbawah dalam agihan pendapatan negara ([Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022](#)). Murid daripada kumpulan ini sering menghadapi tekanan ekonomi, kekurangan sumber pembelajaran dan persekitaran rumah yang tidak menyokong pendidikan. Dalam konteks sekolah, peranan pengetua amat signifikan dalam menangani isu ini melalui amalan pengurusan keperluan murid yang menyeluruh. Berdasarkan Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia ([Institut Aminuddin Baki, 2006](#)), pengetua bertanggungjawab melaksanakan pengurusan hal ehwal murid secara sistematik yang merangkumi aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan emosi, bagi memastikan semua murid, khususnya yang berisiko terus terlibat dalam pembelajaran dan tidak tercicir.

Isu keciciran murid ini bukan sahaja berlaku di peringkat tempatan, malah turut menjadi cabaran pendidikan global yang merentas sempadan geografi dan sosioekonomi. Menurut *World Education Statistics 2024* oleh [UNESCO \(2024\)](#), kira-kira 249 juta kanak-kanak dan remaja berumur antara 6 hingga 18 tahun tidak bersekolah terutamanya di negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana. Antara punca utama yang dikenal pasti termasuklah kemiskinan, kekurangan akses kepada pendidikan berkualiti, persekitaran pembelajaran yang tidak selamat atau terlalu jauh, kelemahan sokongan pemakanan dan kesihatan serta kekurangan bantuan psikososial, khususnya di kawasan yang terjejas oleh konflik ([UNESCO, 2024](#)). Fenomena ini menimbulkan kebimbangan kerana ia bukan sahaja menjejaskan pembangunan potensi individu, malah turut memberi kesan terhadap daya saing dan kemajuan sesebuah negara dalam jangka panjang. Justeru, isu keciciran perlu dilihat sebagai masalah sistemik yang memerlukan penglibatan pelbagai pihak termasuk pemimpin sekolah yang memainkan peranan utama dalam mengenal pasti dan menyantuni keperluan murid agar tidak terus tersisih daripada arus pendidikan formal.

Pelbagai kajian antarabangsa telah dilakukan untuk memahami punca dan pola keciciran murid berdasarkan konteks negara masing-masing. Di Afrika Selatan, [Desai et al. \(2024\)](#) melaporkan bahawa murid lelaki lebih cenderung tercicir akibat tekanan akademik dan tanggungjawab keluarga manakala murid perempuan pula berisiko disebabkan kehamilan remaja dan perkahwinan awal. Kajian oleh [Shuja et al. \(2022\)](#) di Pakistan mendapati bahawa pandemik COVID-19, kekangan teknologi dan tekanan ekonomi keluarga menjadi faktor utama peningkatan keciciran. Di Chile, [Mendoza-Lira et al. \(2024\)](#) mengenal pasti diskriminasi terhadap murid migran sebagai penghalang besar kepada akses pendidikan. Kesemua dapatan ini menunjukkan bahawa keciciran berlaku disebabkan pelbagai faktor yang kompleks dan saling berkait. Menurut [Pellegrini et al. \(2025\)](#), intervensi yang berkesan mestilah berasaskan pendekatan menyeluruh yang merangkumi pemantauan kehadiran, penglibatan komuniti dan pemenuhan keperluan psikososial murid secara berterusan.

Fenomena keciciran murid juga menimbulkan kebimbangan dalam sistem pendidikan Malaysia. Walaupun Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013](#)) memberi penekanan terhadap aspek akses dan ekuiti, pelaksanaan di lapangan menunjukkan bahawa kumpulan murid daripada latar belakang sosioekonomi rendah masih terdedah kepada keciciran. Laporan tahunan terkini oleh [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2023\)](#) merekodkan penurunan kadar keciciran murid menengah daripada 1.14% pada tahun 2019 kepada 0.83% pada tahun 2023. Namun begitu, penurunan ini tidak semestinya menggambarkan pengalaman sebenar yang dialami oleh murid B40 yang sering berdepan dengan tekanan ekonomi,

kekurangan sokongan pembelajaran serta persekitaran rumah yang tidak menyokong pendidikan. Kajian tempatan menunjukkan bahawa faktor luaran seperti kemiskinan, isu keluarga dan ketidakhadiran berulang merupakan pencetus utama kepada keciciran dan tidak semua sekolah mempunyai keupayaan dalaman yang mencukupi untuk menanganinya secara efektif.

Sementara itu, negeri Selangor sebagai negeri dengan jumlah murid tertinggi di Malaysia turut mencatatkan kebimbangan berkaitan keciciran khususnya dalam kalangan murid daripada kumpulan B40. Kajian oleh [Bity Salwana et al. \(2023\)](#) menunjukkan bahawa bantuan material seperti makanan dan pakaian tidak mencukupi untuk mengatasi masalah ini secara menyeluruh. Murid daripada keluarga berpendapatan rendah terus terdedah kepada tekanan emosi, kekurangan sokongan sosial dan kemerosotan motivasi diri. Tambahan pula, kajian kualitatif oleh [Paraman dan Rosila Bee \(2022\)](#) mendapati bahawa murid lelaki India yang kurang mendapat perhatian ibu bapa dan terpengaruh dengan rakan sebaya lebih berisiko tercicir serta terlibat dalam gejala sosial. Kajian-kajian ini menekankan bahawa keciciran di Selangor bersifat pelbagai dimensi dan memerlukan pendekatan pengurusan sekolah yang proaktif, responsif dan berpaksikan kepada keperluan murid khususnya mereka yang berada dalam kelompok berisiko tinggi.

Dalam usaha menangani isu keciciran secara menyeluruh, Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) menawarkan satu kerangka konseptual yang relevan untuk diaplikasikan dalam konteks pendidikan dengan membahagikan keperluan manusia kepada lima tahap iaitu keperluan asas, keselamatan, kasih sayang, penghargaan dan kesempurnaan sendiri. Keperluan-keperluan ini perlu dipenuhi secara berperingkat bagi membolehkan individu mencapai perkembangan optimum. Dalam konteks murid, kegagalan memenuhi keperluan asas seperti makanan, keselamatan dan sokongan emosi boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk memberi tumpuan dalam pembelajaran. Kajian oleh [Erne Hayaty dan Bity Salwana \(2023\)](#) menunjukkan bahawa sekolah yang memberi perhatian terhadap kesejahteraan murid secara holistik menunjukkan kadar keciciran yang lebih rendah. Oleh itu, amalan pengurusan berasaskan keperluan murid dilihat sebagai pendekatan yang berkesan dan bersesuaian dalam menangani keciciran dalam kalangan murid berisiko seperti B40.

Secara keseluruhannya, walaupun banyak kajian telah dijalankan berkenaan keciciran murid, masih terdapat jurang yang ketara dalam memahami secara mendalam bagaimana amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua memberi kesan terhadap keciciran khususnya di negeri Selangor. Sebahagian besar penyelidikan terdahulu memberi tumpuan kepada faktor luaran seperti kemiskinan dan pengaruh keluarga, sedangkan peranan pengetua sebagai pemimpin kesejahteraan murid masih kurang diteliti secara empirikal. Pengetua yang mengamalkan pendekatan holistik dalam mengenal pasti dan memenuhi keperluan murid berpotensi menjadi ejen perubahan dalam menangani isu ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua berdasarkan Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) dengan tahap keciciran murid B40 di Selangor. Bahagian seterusnya akan menghuraikan pernyataan masalah dan objektif kajian, diikuti dengan sorotan literatur, metodologi, dapatan kajian, perbincangan, implikasi, Cadangan kajian akan datang serta rumusan keseluruhan kajian.

1.1. Permasalahan Kajian

Isu keciciran murid kekal sebagai antara cabaran utama yang menggugat aspirasi sistem

pendidikan Malaysia khususnya melibatkan murid daripada kumpulan B40. Walaupun Dasar Pendidikan Wajib dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 menggariskan prinsip akses dan ekuiti sebagai teras utama, kadar keciciran masih berada pada tahap membimbangkan. Statistik terkini [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2024\)](#) melaporkan bahawa seramai 6,246 calon tidak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekali gus mencerminkan kegagalan sistem dalam mengekalkan murid berisiko tinggi dalam aliran pendidikan formal. Fenomena ini menunjukkan wujudnya jurang pelaksanaan dasar di peringkat akar umbi, khususnya dalam aspek pengurusan kesejahteraan murid secara menyeluruh yang seharusnya menjadi keutamaan barisan pentadbiran sekolah. Ketiadaan mekanisme pemantauan yang berkesan dan pendekatan pengurusan yang responsif terus menyumbang kepada berlakunya keciciran secara berulang saban tahun.

Pelbagai inisiatif seperti Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan bantuan tunai telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha menyokong murid daripada keluarga berpendapatan rendah. Namun, kebanyakan intervensi ini lebih tertumpu kepada penyediaan keperluan asas tanpa mengambil kira dimensi psikososial dan motivasi murid yang turut memainkan peranan penting dalam menjamin kelestarian pembelajaran. Murid B40 sering berhadapan dengan tekanan emosi, kekurangan sokongan sosial serta suasana rumah yang tidak kondusif sekali gus menjejaskan tumpuan dan keterlibatan mereka di sekolah. Dalam hal ini, kelemahan pelaksanaan bantuan yang bersifat umum tanpa penyesuaian kepada keperluan sebenar murid menyebabkan kesannya menjadi terhad dan tidak lestari serta gagal menyantuni keperluan murid secara menyeluruh.

Kajian oleh [Erne Hayaty dan Bity Salwana \(2023\)](#) menunjukkan bahawa bantuan terhadap murid masih berdepan isu seperti ketelusan, kekurangan pemantauan impak dan tiada sistem sokongan bersepadu antara agensi dan sekolah. Tambahan pula, dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan pengurusan yang bersifat menyeluruh dan sistematik masih belum diterapkan secara meluas di sekolah-sekolah, menyebabkan murid terus tercicir walaupun bantuan telah disalurkan. Kajian ini mencadangkan penggunaan kerangka Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) sebagai asas pengurusan murid berisiko yang menekankan keperluan untuk memahami dan menyantuni dimensi emosi, sosial dan psikologi murid secara terancang. Maka, jurang pelaksanaan inilah yang membuka ruang kepada satu kajian empirikal yang lebih mendalam bagi mengenal pasti peranan sebenar pengetua dalam pengurusan kesejahteraan murid berisiko.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan ini masih terhad dan memerlukan penglibatan aktif serta strategik daripada pihak pengetua sebagai pemimpin utama kesejahteraan murid. Dalam konteks pengurusan sekolah, pengetua bukan sahaja bertindak sebagai pentadbir tetapi juga sebagai pengurus yang bertanggungjawab memenuhi keperluan asas hingga psikososial murid. Sekiranya pemimpin sekolah tidak melaksanakan amalan pengurusan yang sistematik dan responsif terhadap keperluan murid berisiko, risiko keciciran akan terus meningkat. Oleh itu, penekanan perlu diberikan kepada strategi pengurusan yang menjadikan kesejahteraan murid sebagai agenda utama. Peranan pengetua dalam merancang, menyelaraskan dan melaksanakan program yang menyokong kesejahteraan murid secara holistik amat penting dalam mengekang keciciran khususnya dalam kalangan murid B40.

Di Selangor, sebagai negeri maju dan antara yang mencatatkan bilangan murid menengah tertinggi di Malaysia, isu keciciran dalam kalangan murid B40 masih menunjukkan pola

yang membimbangkan. Murid daripada keluarga berpendapatan rendah terus berdepan dengan tekanan ekonomi, kekurangan sumber asas serta ketiadaan bimbingan akademik dan emosi secara berstruktur. Kajian oleh [Bity Salwana et al. \(2023\)](#) mendedahkan bahawa jurang sokongan antara sekolah bandar dan luar bandar memberikan kesan langsung terhadap tahap keberkesanan pengurusan keperluan murid. Situasi ini menegaskan kepentingan menilai secara empirikal bagaimana amalan pengurusan oleh pihak sekolah khususnya pengurusan pengetua, mampu memainkan peranan dalam menangani punca keciciran yang bersifat pelbagai dimensi. Justeru, Selangor merupakan lokasi yang strategik untuk menilai pelaksanaan amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua secara menyeluruh.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang penyelidikan berkaitan amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua berdasarkan lima hierarki Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) serta hubungannya dengan tahap keciciran murid B40 di Selangor. Kajian ini meneliti bagaimana pendekatan pengurusan yang sistematik dan menyeluruh dalam memenuhi keperluan murid mampu mempengaruhi keberadaan dan penglibatan mereka dalam sistem persekolahan. Hubungan antara pemboleh ubah utama kajian ini dijangka berbentuk negatif dan signifikan iaitu semakin tinggi tahap amalan pengurusan oleh pengetua, semakin rendah tahap keciciran dalam kalangan murid B40. Oleh itu, dapatan kajian ini dijangka bukan sahaja mengukuhkan lagi aplikasi Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) dalam konteks pendidikan Malaysia, malah turut menyumbang secara langsung kepada penambahbaikan dasar, latihan pengurusan dan kepimpinan serta pembangunan intervensi sekolah yang lebih inklusif, mampan dan berpusatkan murid.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua berdasarkan Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) dengan tahap keciciran murid B40 di Selangor. Berdasarkan fokus tersebut, tiga objektif utama telah digariskan seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua berdasarkan Teori Keperluan Maslow di Selangor.
- ii. Mengetahui tahap keciciran murid B40 di Selangor.
- iii. Mengetahui hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua berdasarkan Teori Keperluan Maslow dengan tahap keciciran murid B40 di Selangor.

1.3. Hipotesis Kajian

H_a: Terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua berdasarkan Teori Keperluan Maslow dengan tahap keciciran murid B40 di Selangor.

2. Sorotan Literatur

Bahagian ini menghuraikan dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan fokus utama kajian iaitu isu keciciran murid B40 dalam konteks pendidikan, peranan pengetua dalam pengurusan keperluan murid di sekolah, aplikasi Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) dalam konteks pendidikan, hubungan antara amalan pengurusan pengetua dan kadar keciciran murid serta jurang pendidikan yang wujud akibat faktor kemiskinan. Sorotan ini bertujuan menyediakan asas konseptual dan empirikal yang kukuh dalam memahami

fenomena keciciran murid B40 serta peranan pengurusan sekolah dalam menanganinya. Oleh itu, dengan menganalisis dapatan kajian terdahulu secara kritikal, sorotan ini juga membantu mengenal pasti jurang pengetahuan yang masih belum diterokai sepenuhnya sekali gus memperkukuh rasional pelaksanaan kajian ini.

2.1. Isu Tahap Keciciran Murid B40

Isu keciciran dalam kalangan murid daripada kumpulan B40 di Malaysia kekal sebagai isu yang membimbangkan meskipun pelbagai dasar dan bantuan pendidikan telah diperkenalkan. Kajian oleh [Norfarahzatul et al. \(2022\)](#) menunjukkan bahawa murid B40 mencatat kadar ketidakhadiran ke sekolah yang tinggi khususnya di peringkat menengah atas dan kecenderungan untuk berhenti sekolah sebelum tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Keadaan ini berlaku walaupun pelaksanaan dasar pendidikan percuma telah diperluas kepada semua murid. Keadaan lebih ketara dalam kalangan murid di kawasan luar bandar dan keluarga berpendapatan rendah yang menunjukkan kadar keciciran lebih tinggi berbanding rakan sebaya mereka daripada kumpulan pendapatan sederhana dan tinggi. Hal ini memberi isyarat bahawa tahap keciciran dalam kalangan murid B40 bukan sahaja kekal tinggi tetapi juga mencerminkan jurang ketidaksaksamaan yang semakin melebar dalam sistem pendidikan nasional.

Beberapa kajian tempatan telah memberikan gambaran lanjut mengenai tahap keciciran murid B40 melalui pendekatan lapangan yang bersifat deskriptif. Kajian oleh [Erne Hayaty dan Bity Salwana \(2023\)](#) melaporkan bahawa walaupun bantuan asas seperti makanan, pakaian dan kewangan disediakan kepada murid B40, tahap kehadiran ke sekolah dalam kalangan mereka masih rendah dan tidak konsisten. Keadaan ini sering membawa kepada pencapaian akademik yang lemah seterusnya meningkatkan risiko untuk berhenti sekolah. Sementara itu, [Bity Salwana et al. \(2023\)](#) mendapati bahawa lebih 80 peratus murid B40 yang menetap di kawasan perumahan kos rendah hanya mencapai tahap pendidikan sehingga SPM dengan sebahagiannya tidak menamatkan pendidikan menengah atas akibat tekanan kewangan dan tanggungjawab keluarga. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap keciciran bukan sekadar isu pemberhentian sekolah secara rasmi tetapi turut meliputi kehadiran rendah, prestasi akademik merosot dan ketidakupayaan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Kajian antarabangsa turut mencerminkan pola keciciran yang hampir serupa dalam kalangan murid miskin. Sebagai contoh, [Desai et al. \(2024\)](#) dalam kajian mereka di Afrika Selatan melaporkan bahawa lebih 232,000 murid berumur 7 hingga 17 tahun tidak lagi bersekolah dan angka ini meningkat secara mendadak dalam kalangan remaja selepas umur 15 tahun. Kajian tersebut mendedahkan bahawa murid yang tercicir lazimnya dipengaruhi oleh tekanan ekonomi, beban tanggungjawab keluarga dan persekitaran sosial yang tidak menyokong pembelajaran. Di Eropah, [Heradstveit et al. \(2024\)](#) pula menggunakan data longitudinal untuk menilai tahap keciciran dan mendapati bahawa tahap keciciran lebih tinggi dalam kalangan murid yang berdepan masalah tingkah laku dan kekangan emosi. Meskipun konteks geografi berbeza, persamaan dalam corak keciciran membuktikan bahawa murid daripada latar belakang sosioekonomi rendah termasuk B40 di Malaysia, berdepan risiko yang lebih besar untuk meninggalkan alam persekolahan lebih awal.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap keciciran murid B40 merupakan satu isu yang bersifat kompleks dan berlapis. Kajian terdahulu telah mengenal pasti corak, faktor penyumbang serta bentuk bantuan yang disediakan.

Namun begitu, penilaian terhadap tahap sebenar keciciran masih terhad kepada kajian-kajian bersifat kualitatif, berskala kecil dan berfokus lokaliti tertentu. Majoriti penyelidikan tidak menggunakan reka bentuk longitudinal atau pendekatan kuantitatif berskala besar yang membolehkan pengukuran tahap keciciran dari peringkat rendah ke menengah atas secara sistematik. Tambahan pula, banyak kajian tidak mengaitkan dapatan dengan kerangka teori yang mantap menyebabkan penilaian terhadap keberkesanan intervensi sukar digeneralisasikan. Kekurangan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana dapatan sedia ada benar-benar mencerminkan tahap keciciran murid B40 di Malaysia secara menyeluruh dan boleh dijadikan asas dalam penambahbaikan dasar.

Oleh yang demikian, berdasarkan jurang yang telah dikenal pasti, kajian ini dijalankan bagi mengisi kekosongan tersebut dengan memberi penekanan terhadap penilaian empirikal ke atas keperluan murid dan tahap keciciran dalam kalangan murid B40 melalui pendekatan kuantitatif yang disokong oleh kerangka teori yang jelas. Instrumen soal selidik yang digunakan dibangunkan berdasarkan keperluan manusia seperti yang diuraikan oleh [Maslow \(1943\)](#), bagi membolehkan pengukuran keperluan murid dan tahap keciciran dilaksanakan secara sistematik serta membina hubungan antara dimensi pengurusan keperluan murid dengan tahap keciciran murid B40. Kajian ini turut mengintegrasikan data daripada pelbagai sekolah dan lokaliti bagi memperoleh gambaran yang lebih holistik dan berasaskan bukti. Justeru, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penggubalan dasar serta amalan pengurusan sekolah yang lebih berkesan dan inklusif dalam usaha mengekang isu keciciran murid B40 di Malaysia.

2.2. Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua

Pengurusan keperluan murid oleh pengetua merupakan aspek penting dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif terutamanya bagi murid daripada kumpulan berpendapatan rendah seperti B40. Dalam konteks ini, kemampuan pengetua mengenal pasti dan mengurus keperluan asas murid menjadi faktor penentu terhadap kelangsungan mereka dalam sistem persekolahan. Kajian oleh [Annaliza et al. \(2022\)](#) menunjukkan bahawa pendekatan pengurusan berasaskan sekolah (APBS) yang diamalkan oleh pengetua dapat memperkukuh penglibatan guru dan mempertingkatkan keberkesanan bantuan kepada murid kurang berkemampuan. Berdasarkan kajian antarabangsa oleh [Desai et al. \(2024\)](#) di Afrika Selatan, didapati bahawa keputusan murid untuk meninggalkan sekolah dipengaruhi oleh pelbagai faktor di peringkat individu, interpersonal dan persekitaran sekolah. Hubungan yang negatif dengan guru dan rakan sebaya, ketiadaan sokongan emosi di sekolah serta konflik sosial menjadi antara pendorong utama kepada keciciran. Hal ini menunjukkan bahawa pengurusan sekolah yang responsif dan menyokong kesejahteraan murid adalah sangat penting dalam mencegah keciciran dan meningkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti akademik.

Kajian-kajian tempatan turut memperincikan bagaimana pengetua memainkan peranan proaktif dalam menangani keperluan murid B40. Menurut [Erne Hayaty dan Bity Salwana \(2023\)](#), masalah seperti kehadiran rendah dan pencapaian akademik yang lemah dalam kalangan murid B40 berpunca daripada tekanan sosioekonomi keluarga. Dalam hal ini, pengetua perlu melaksanakan pelbagai strategi intervensi seperti pemantauan kehadiran, bimbingan individu serta penyelarasan bantuan makanan dan kewangan untuk memastikan kebajikan murid terus terpelihara. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian oleh [Shuja et al. \(2022\)](#) yang menunjukkan bahawa ketiadaan pengurusan sekolah yang responsif di Pakistan semasa pandemik COVID-19 menyebabkan murid berisiko

tercicir lebih awal. Kedua-dua kajian ini menegaskan bahawa pengetua yang mampu menyesuaikan pengurusan dengan keperluan murid secara situasional dapat membantu mengurangkan keciciran dalam kalangan murid berisiko.

Amalan pengurusan yang berkesan turut bergantung kepada hubungan kolaboratif antara pengetua dan guru. Dalam kajian oleh [Ainisaadah et al. \(2024\)](#), pengetua yang menunjukkan sokongan terhadap guru dari aspek emosi dan profesionalisme berjaya meningkatkan keberkesanan intervensi terhadap murid B40 terutamanya di kawasan pedalaman. Dapatan ini selari dengan kajian oleh [Danggat Chabo et al. \(2024\)](#) yang mendapati bahawa pengetua yang mengamalkan kepimpinan transformasional mampu mewujudkan iklim sekolah yang positif, menggalakkan penglibatan komuniti dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan keperluan murid perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan penglibatan aktif semua pihak dalam komuniti sekolah.

Dalam aspek penyelarasan sumber dan bantuan, pengetua turut memainkan peranan penting bagi memastikan murid B40 mendapat sokongan yang mencukupi. Kajian oleh [Norfarahzatul et al. \(2022\)](#) menyatakan bahawa pengetua berperanan sebagai penyelarasan utama dalam memastikan program seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan bantuan kewangan diagihkan kepada murid yang layak secara telus dan efektif. Dapatan ini turut disokong oleh [Pellegrini et al. \(2025\)](#) yang mendapati bahawa pengetua yang menerima latihan pengurusan intervensi pendidikan lebih berjaya dalam menyelaraskan sokongan akademik dan psikososial untuk murid berisiko di negara Eropah. Amalan pengurusan berasaskan data, disokong dengan pemantauan sistematik dan kerjasama pelbagai pihak adalah elemen utama dalam memastikan keperluan murid ditangani dengan menyeluruh dan berimpak tinggi.

Secara keseluruhan, jelas bahawa pengurusan keperluan murid oleh pengetua dikenal pasti sebagai elemen penting dalam usaha mengurangkan kadar keciciran murid B40. Walau bagaimanapun, sorotan literatur menunjukkan jurang teoritikal yang ketara apabila kebanyakan kajian terdahulu hanya menerangkan tindakan pengetua secara deskriptif tanpa berpaksikan kerangka konseptual yang kukuh. Kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan menilai hubungan antara amalan pengurusan pengetua dan tahap keciciran murid B40 melalui pendekatan kuantitatif yang disandarkan kepada prinsip keperluan manusia seperti yang diuraikan oleh [Maslow \(1943\)](#). Instrumen kajian dibangunkan berdasarkan lima dimensi keperluan asas individu yang memberi penekanan kepada aspek fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan dan kesempurnaan sendiri. Justeru, hasil kajian ini diharapkan dapat memperkukuh asas teoritikal dalam bidang pengurusan pendidikan serta menyumbang panduan praktikal yang lebih berkesan kepada pihak sekolah dan pembuat dasar dalam menangani isu keciciran secara menyeluruh.

2.3. Aplikasi Teori Keperluan Maslow dalam Pengurusan Keperluan Murid B40

Teori Keperluan [Maslow \(1943; 1954\)](#) mengemukakan lima tahap keperluan manusia secara berturutan iaitu keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan dan kesempurnaan sendiri. Dalam konteks pendidikan, teori ini digunakan untuk memahami motivasi dan tingkah laku murid berdasarkan keutamaan keperluan yang perlu dipenuhi. Bagi murid daripada keluarga B40, aspek asas seperti makanan yang mencukupi, persekitaran yang selamat dan tempat tinggal yang kondusif merupakan keperluan utama sebelum mereka dapat terlibat secara bermakna dalam pembelajaran formal. Kajian oleh

[Requena dan Valdés \(2024\)](#) mendapati bahawa murid yang mengalami kelaparan atau berasa tidak selamat sama ada di rumah atau di sekolah cenderung menunjukkan kehadiran rendah serta prestasi akademik yang lemah. Dapatan ini menekankan peranan penting pihak sekolah khususnya pengetua, untuk memastikan keperluan asas murid diberi perhatian agar kesejahteraan dan kelangsungan pendidikan mereka terjamin.

Beberapa kajian tempatan mengesahkan bahawa pendekatan berasaskan keperluan murid boleh memperkukuh strategi pengurusan murid berisiko. Kajian oleh [Muhammad Nur Asyraf dan Bity Salwana \(2020\)](#) menunjukkan bahawa pelaksanaan program seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) telah memberi impak positif terhadap kehadiran murid B40. Namun begitu, keperluan kasih sayang dan penghargaan turut diakui penting. [Annaliza et al. \(2022\)](#) melaporkan bahawa hubungan guru-murid yang mesra serta pengiktirafan terhadap usaha murid menyumbang kepada motivasi dan kesejahteraan emosi yang lebih stabil. Kajian oleh [Erne Hayaty dan Bity Salwana \(2023\)](#) pula mendapati bahawa kepekaan pengetua terhadap keperluan psikososial murid membawa kepada peningkatan motivasi dalaman serta pengurangan masalah disiplin dan keciciran. Secara keseluruhan, pendekatan ini menegaskan bahawa pengurusan keperluan murid perlu dilaksanakan secara menyeluruh, mengikut keutamaan yang bersesuaian dengan keadaan dan latar belakang murid.

Sementara itu, dapatan antarabangsa turut mendukung keberkesanan aplikasi Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) dalam konteks pengurusan pendidikan. Kajian oleh [Ressa dan Andrews \(2022\)](#) menunjukkan bahawa murid yang tidak merasa dihargai, dilindungi atau memiliki hubungan sosial yang positif di sekolah cenderung untuk tercicir walaupun berpotensi secara akademik. Dapatan menekankan bahawa murid yang kehilangan rasa memiliki atau tidak menerima sokongan emosi dan motivasi daripada guru serta komuniti sekolah mudah hilang minat untuk meneruskan persekolahan. Selain itu, [Pellegrini et al. \(2025\)](#) turut mendapati bahawa pemimpin sekolah yang memberi perhatian kepada keperluan asas murid secara sistematik lebih berjaya mengekalkan penglibatan murid berpendapatan rendah dalam sistem persekolahan. Secara keseluruhan, pendekatan ini menegaskan bahawa usaha memenuhi keperluan asas dan emosi murid adalah langkah asas yang penting dalam menyokong kesejahteraan dan kelangsungan pendidikan murid yang berisiko tercicir.

Walau bagaimanapun, pendekatan amalan pengurusan berasaskan keperluan murid masih belum diterokai secara menyeluruh dalam penyelidikan terdahulu. Sebahagian besar kajian hanya menghuraikan konsep secara naratif, tanpa membina indikator empirikal untuk menilai sejauh mana keperluan murid ditangani melalui tindakan pengurusan pengetua. Penyelidikan kuantitatif yang menilai secara langsung keperluan murid serta hubungannya dengan hasil pendidikan seperti kehadiran atau keciciran masih terhad di Malaysia. Kekangan ini mewujudkan jurang antara teori dan pelaksanaan sebenar di peringkat sekolah, sekali gus mengurangkan potensi dapatan kajian untuk dijadikan asas rujukan dalam pembangunan dasar dan latihan kepimpinan pendidikan. Oleh itu, satu pendekatan yang lebih berstruktur dan berpaksikan murid amat diperlukan bagi meneroka secara holistik dimensi keperluan tersebut serta kaitannya dengan amalan pengurusan sekolah yang berkesan.

Secara keseluruhannya, jelas bahawa wujud jurang teoritikal yang ketara dalam penyelidikan berkaitan pengurusan keperluan murid berisiko. Kajian ini tampil untuk mengisi jurang tersebut dengan membangunkan instrumen berasaskan lima tahap

keperluan seperti yang diuraikan dalam Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) serta menilai secara empirik bagaimana pengetua mengurus keperluan murid di peringkat sekolah. Di samping itu, kajian ini turut menghubungkan keperluan murid dengan tahap keciciran secara sistematik dan berasaskan kerangka konseptual yang mantap. Pendekatan ini bukan sahaja berupaya memperkukuh asas teoritikal dalam bidang pengurusan pendidikan, malah menyediakan panduan praktikal kepada pembuat dasar dan pengetua dalam merangka strategi pengurusan yang lebih menyeluruh, lestari dan berimpak tinggi.

2.4. Hubungan antara Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua dengan Keciciran Murid B40

Keupayaan pengetua dalam mengurus keperluan murid secara sistematik dan menyeluruh memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan murid B40 dalam sistem pendidikan. Apabila aspek keperluan asas, keselamatan, kasih sayang dan sokongan psikososial ditangani dengan berkesan, murid lebih cenderung untuk hadir ke sekolah dan terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Berdasarkan kerangka Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#), kegagalan memenuhi keperluan murid pada peringkat awal boleh mengganggu motivasi dan perkembangan potensi murid seterusnya mendorong kepada pengasingan diri dan keciciran. Oleh itu, pengetua yang mampu merancang dan melaksanakan strategi pengurusan yang berfokus kepada kesejahteraan murid berisiko dilihat sebagai pemangkin utama dalam mengurangkan kadar keciciran di sekolah.

Amalan pengurusan pengetua merupakan faktor utama dalam memastikan murid kekal dalam sistem persekolahan terutamanya bagi murid yang berasal dari kumpulan B40. Dalam konteks ini, tindakan strategik pengetua bukan sahaja tertumpu kepada pengurusan akademik, malah meliputi peranan mereka dalam menyantuni keperluan asas dan emosi murid yang berisiko tercicir. Kajian oleh [Paraman dan Rosila Bee \(2022\)](#) menunjukkan bahawa pengetua yang prihatin terhadap latar belakang murid dan aktif melibatkan diri dalam pengurusan murid berisiko mampu membina persekitaran sekolah yang lebih menyokong. Tindakan seperti memperkukuh hubungan guru-murid, merancang program kebajikan serta menyelaraskan intervensi sokongan sosial membuktikan bahawa pengetua mampu menjadi agen utama dalam mengurangkan keciciran jika pengurusan dilaksanakan dengan berfokus dan berstruktur.

Di peringkat antarabangsa, peranan pengurusan sekolah dalam menangani keciciran turut ditegaskan dalam pelbagai kajian. [Desai et al. \(2024\)](#) dalam kajiannya di Afrika Selatan mendapati bahawa murid tercicir bukan semata-mata disebabkan oleh kemiskinan tetapi juga akibat ketiadaan tindak balas aktif pihak sekolah terhadap keperluan murid yang kompleks. Kajian [Heradstveit et al. \(2024\)](#) pula mengesahkan bahawa ketidakupayaan sekolah menyediakan sistem sokongan bagi murid yang terdedah kepada tekanan sosial dan penyalahgunaan bahan terlarang menyumbang kepada peningkatan keciciran. Dapatan ini memperlihatkan keperluan terhadap bentuk pengurusan sekolah yang lebih menyeluruh dan responsif, di mana pengetua berperanan sebagai pemimpin yang bukan hanya pentadbir tetapi juga penyelesaian masalah murid berdasarkan keperluan sebenar mereka.

Dalam konteks kajian tempatan, beberapa penyelidikan telah menekankan keberkesanan tindakan pengetua dalam mengurus keperluan murid B40 secara berkesan. Kajian oleh [Muhammad Nur Asyraf dan Bity Salwana \(2020\)](#) menunjukkan bahawa amalan pengetua sekolah dalam memenuhi keperluan asas, keselamatan, dan penghargaan murid memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik, kokurikulum dan sahsiah. Dapatan ini turut

menyokong keperluan pengetua untuk meningkatkan kepekaan terhadap aspek psikososial murid dalam usaha mengurangkan keciciran dan meningkatkan penglibatan mereka di sekolah. Sementara itu, [Norfarahzatul et al. \(2022\)](#) menegaskan bahawa pengetua yang membina jaringan kerjasama strategik dengan agensi luar dapat melaksanakan intervensi yang lebih menyeluruh dan berimpak. Selanjutnya, kajian oleh [Erne Hahayty dan Bity Salwana \(2023\)](#) menunjukkan bahawa pengetua sekolah yang memahami realiti kehidupan murid B40 dan merancang intervensi secara berfokus kepada keperluan asas serta sokongan emosi berupaya mengurangkan keciciran secara signifikan. Kajian-kajian ini memperkukuh dapatan bahawa pengurusan keperluan murid oleh pengetua mempunyai kesan langsung terhadap kelangsungan pendidikan murid berisiko.

Selain aspek pengurusan bantuan dan kebajikan, hubungan antara pengetua dan keciciran juga dilihat melalui sokongan psikososial dan motivasi murid. Kajian oleh [Shuja et al. \(2022\)](#) semasa pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa pengetua yang peka terhadap tekanan emosi murid dan menyediakan sokongan komunikasi berterusan berjaya mengekalkan murid dalam pendidikan dalam talian. Dalam konteks global, [Pellegrini et al. \(2025\)](#) menegaskan bahawa inisiatif pemulihan akademik dan sosial yang diketuai pengetua memberi impak yang lebih konsisten berbanding pelaksanaan bersifat umum tanpa penyelarasan pengurusan. Pengetua berperanan sebagai pemimpin utama dalam menyatukan sumber, merancang intervensi serta menggerakkan sokongan guru, ibu bapa dan komuniti dalam satu sistem sokongan murid yang saling melengkapi.

Kesimpulannya, wujud jurang yang ketara dalam amalan pengurusan pengetua untuk menangani keciciran murid B40 secara sistematik dan berasaskan bukti. Meskipun pelbagai program dan intervensi telah dilaksanakan, keberkesanannya banyak bergantung kepada inisiatif individu pengetua tanpa sokongan garis panduan pelaksanaan yang mantap. Ketiadaan mekanisme pemantauan khusus terhadap keupayaan sekolah dalam mengurus keperluan murid turut mengehadkan potensi intervensi yang dirancang. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai secara empirikal hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua dengan tahap keciciran murid B40. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membentuk asas praktikal kepada pembangunan model pengurusan sekolah yang lebih tersusun, berteraskan teori dan menyumbang kepada penambahbaikan dasar pendidikan negara.

2.5. Jurang Pendidikan Akibat Kemiskinan dan Keperluan Pengurusan Strategik Sekolah

Kemiskinan merupakan antara punca utama yang menyumbang kepada ketidaksamaan pendidikan dan seterusnya mendorong kepada keciciran murid dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah. Di Malaysia, murid daripada kumpulan B40 sering berhadapan dengan pelbagai kekangan termasuk kekurangan sumber pembelajaran, keperluan asas yang tidak mencukupi, tekanan keluarga serta keperluan untuk menyumbang kepada pendapatan isi rumah. Kajian oleh [Bity Salwana et al. \(2023\)](#) menunjukkan bahawa tekanan sosioekonomi yang dialami oleh murid B40 memberi kesan langsung terhadap kehadiran ke sekolah dan motivasi untuk belajar, terutamanya apabila keperluan asas dan sokongan emosi tidak dipenuhi. Dalam hal ini, jurang pendidikan yang berlaku bukan sekadar berkaitan capaian kepada pendidikan tetapi juga kemampuan untuk mengekalkan kelangsungan pembelajaran secara konsisten.

Di peringkat antarabangsa, pelbagai kajian turut menunjukkan kesan kemiskinan terhadap akses pendidikan. Kajian oleh [Desai et al. \(2024\)](#) di Afrika Selatan melaporkan bahawa murid yang tinggal dalam kawasan berpendapatan rendah berisiko tinggi untuk meninggalkan sekolah disebabkan keperluan bekerja, kekurangan makanan serta kurangnya sokongan sosial. Sementara itu, kajian [Pellegrini et al. \(2025\)](#) merumuskan bahawa murid daripada keluarga miskin di negara membangun sering terpinggir daripada program pendidikan arus perdana dan gagal mendapat manfaat daripada dasar sedia ada kerana intervensi yang tidak bersasar. Ini menunjukkan bahawa kemiskinan bukan sahaja menjejaskan penyertaan murid dalam pendidikan tetapi turut menyekat akses mereka kepada peluang pendidikan yang bermutu dan berkesan.

Dalam konteks tempatan, beberapa dasar telah diperkenalkan bagi merapatkan jurang pendidikan akibat kemiskinan seperti RMT, KWAMP dan bantuan awal persekolahan. Namun, pelaksanaan program ini sering kali tidak disokong oleh pemantauan menyeluruh terhadap keberkesanannya terhadap keciciran murid. Kajian oleh [Ainisaadah et al. \(2024\)](#) menunjukkan bahawa bantuan kewangan yang diberikan tanpa disusuli dengan pemantauan jangka panjang tidak mencukupi untuk memastikan murid kekal bersekolah. Tambahan pula, [Norfarahzatul et al. \(2022\)](#) menegaskan bahawa pelaksanaan bantuan di peringkat sekolah bergantung kepada keprihatinan pengetua dan guru bukannya berdasarkan plan pengurusan yang berstruktur. Ini menggambarkan bahawa kemiskinan memerlukan pendekatan pengurusan sekolah yang bukan hanya berasaskan bantuan tetapi juga intervensi sokongan berfokus dan berterusan.


Oleh yang demikian, pendekatan bersepadu diperlukan untuk menangani jurang pendidikan akibat kemiskinan ini. [Danggat Chabo et al. \(2024\)](#) mencadangkan pelaksanaan sokongan pelbagai lapis melalui kerjasama antara sekolah, komuniti, dan agensi sosial bagi menyantuni murid miskin secara menyeluruh dan mampan. Seterusnya, [Norfarahzatul et al. \(2022\)](#) pula menekankan kepentingan jaringan strategik antara pihak sekolah dan agensi luar dalam menyediakan bentuk intervensi yang komprehensif terhadap murid B40, khususnya dalam aspek kebajikan, bimbingan dan pemulihan. Selain itu, [Shuja et al. \(2022\)](#) menegaskan bahawa kegagalan pihak sekolah memahami tekanan ekonomi keluarga boleh menyebabkan murid tidak lagi melihat pendidikan sebagai laluan yang relevan untuk keluar daripada kemiskinan. Dapatan ini mengukuhkan hakikat bahawa jurang pendidikan hanya dapat dirapatkan melalui pengurusan sekolah yang responsif dan berpaksikan realiti murid di lapangan.

Secara keseluruhannya, wujud jurang praktikal yang ketara dalam pelaksanaan pengurusan pendidikan bagi menangani kesan kemiskinan terhadap keciciran murid B40. Kebanyakan pendekatan sedia ada cenderung menumpukan kepada penyediaan bantuan material semata-mata tanpa disokong oleh strategi pengurusan menyeluruh yang menilai impaknya terhadap kelangsungan murid dalam sistem pendidikan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menilai bagaimana pengetua mengurus keperluan murid B40 berasaskan kerangka Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) serta mengenal pasti hubungan antara amalan pengurusan tersebut dengan tahap keciciran murid. Dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada pembangunan garis panduan amalan pengurusan sekolah yang lebih responsif terhadap realiti kemiskinan, sekali gus memperkukuh kesaksamaan pendidikan secara mampan dan berasaskan bukti.

2.6. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibentuk berasaskan gabungan antara teori motivasi dan data empirikal tempatan yang relevan dengan konteks pendidikan semasa. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua yang dihuraikan melalui lima tahap keperluan seperti yang dikemukakan oleh [Maslow \(1943\)](#) iaitu keperluan asas, keselamatan, kasih sayang, penghargaan dan kesempurnaan sendiri. Sementara itu, pemboleh ubah bersandar merujuk kepada tahap keciciran murid B40 yang diukur berdasarkan lima indikator utama seperti yang digariskan oleh [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2018\)](#). Indikator tersebut meliputi ketidakhadiran ke sekolah, kelemahan dalam menguasai kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira), kegagalan dalam kebanyakan subjek yang diambil, penglibatan dalam kesalahan disiplin secara berulang serta tahap motivasi pembelajaran yang rendah. [Rajah 1](#) memaparkan secara visual struktur hubungan ini serta komponen utama yang diuji dalam kajian.

Rajah 1: Kerangka konseptual kajian



3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan untuk menilai hubungan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua berdasarkan Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) dengan tahap keciciran murid B40 di Selangor. Negeri Selangor dipilih sebagai lokasi kajian kerana mewakili pelbagai latar sosioekonomi dan merekodkan jumlah enrolmen murid sekolah menengah tertinggi di Malaysia. Populasi kajian terdiri daripada 22,665 orang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Berdasarkan Jadual [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#), saiz sampel minimum yang diperlukan ialah 377 orang. Sampel ini dipilih daripada 23 buah sekolah menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata berdasarkan pecahan daerah di Selangor, diikuti persampelan rawak mudah bagi memilih responden guru. Penentuan jumlah sekolah berpandukan saranan [Gay dan Airasian \(2003\)](#) serta [Tabachnick dan Fidell \(2001\)](#) yang menyarankan 10% daripada populasi adalah mencukupi bagi mendapatkan sampel yang representatif. Sekolah harian biasa yang mempunyai kadar keciciran tinggi dan majoriti murid daripada kumpulan B40 turut diberi keutamaan. Kajian ini telah mendapat kebenaran rasmi daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM),

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) terlibat serta pentadbir sekolah. Semua responden telah dimaklumkan dan memberikan persetujuan secara sukarela untuk menyertai kajian ini.

Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang dibina berasaskan lima dimensi [Teori Keperluan Maslow \(1943\)](#) dan lima indikator keciciran murid berdasarkan garis panduan [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2018\)](#). Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu demografi responden, amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua (25 item) dan tahap keciciran murid B40 (30 item) yang kesemuanya dinilai menggunakan skala Likert lima mata. Kajian rintis terlebih dahulu dijalankan melibatkan 100 orang guru di Kuala Lumpur untuk menguji kefahaman dan kejelasan item soal selidik. Keputusan menunjukkan nilai kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dengan nilai *Cronbach's Alpha* melebihi 0.93. Sementara itu, kesahan kandungan disemak oleh tiga orang pakar dalam bidang pendidikan dan pengurusan sekolah dan penambahbaikan terhadap item dilakukan berdasarkan saranan yang dikemukakan. Kesemua prosedur penyelidikan mematuhi kod etika penyelidikan institusi serta prinsip tanggungjawab terhadap perlindungan data responden.

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29.0. Bagi mencapai objektif kajian, dua jenis analisis telah digunakan. Pertama, analisis deskriptif digunakan bagi menentukan tahap amalan pengurusan dan keciciran murid berdasarkan pengiraan min dan sisihan piawai. Kedua, analisis inferensi dijalankan menggunakan ujian korelasi Pearson pada aras signifikan $p < 0.01$ bagi menilai kekuatan dan arah hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Ujian normaliti terlebih dahulu dijalankan untuk melihat nilai skewness dan kurtosis yang menunjukkan semua konstruk berada dalam julat normal antara -2 hingga +2, sekali gus membolehkan penggunaan ujian parametrik secara sah. Skor min ditafsirkan menggunakan kategori interpretasi oleh [Bity Salwana \(2009\)](#) dalam [Jadual 1](#) manakala kekuatan hubungan korelasi ditafsirkan berdasarkan klasifikasi [Jackson \(2006\)](#) dalam [Jadual 2](#). Hasil analisis ini menjadi asas penting kepada perbincangan secara empirikal mengenai kesan amalan pengurusan pengetua terhadap keciciran murid B40.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor min	Interpretasi Skor Min
0.98-1.78	Sangat Rendah
1.79-2.59	Rendah
2.60-3.40	Sederhana
3.41-4.21	Tinggi
4.22-5.02	Sangat Tinggi

Sumber: [Bity Salwana \(2009\)](#)

Jadual 2: Nilai Pekali Korelasi

Skor min	Interpretasi Skor Min
-0.70 - -1.00	Hubungan yang kuat (-)
-0.30 - -0.69	Hubungan yang sederhana (-)
-0.00 - -0.29	Hubungan yang lemah (-)
0.00 - 0.29	Hubungan yang lemah (+)
0.30 - 0.69	Hubungan yang sederhana (+)
0.70 - 1.00	Hubungan yang kuat (+)

Sumber: [Jackson \(2006\)](#)

4. Hasil Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis data daripada 377 orang guru sekolah menengah di seluruh negeri Selangor yang mewakili pelbagai daerah, lokasi bandar dan luar bandar serta tahap pengalaman yang berbeza. Objektif utama adalah untuk mengenal pasti tahap amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua, tahap keciciran murid B40 dan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Statistik deskriptif digunakan untuk mengira nilai min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk manakala statistik inferensi iaitu ujian korelasi Pearson diaplikasikan bagi menilai kekuatan dan arah hubungan pada aras signifikan $p < 0.01$. Responden majoritinya terdiri daripada guru perempuan berbangsa Melayu dengan pengalaman perkhidmatan antara satu hingga dua puluh tahun. Kebanyakan mereka memegang jawatan sebagai guru akademik dan guru kelas manakala jantina pengetua yang diterajui di sekolah adalah hampir seimbang antara lelaki dan perempuan. Maklumat profil ini memberikan konteks yang signifikan dalam mentafsir persepsi guru terhadap amalan pengurusan pengetua serta fenomena keciciran murid B40 seterusnya memberikan asas yang kukuh dalam memahami dapatan secara lebih holistik.

4.1. Tahap Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua Berdasarkan Teori Keperluan Maslow

Dapatan kajian yang dipaparkan dalam [Jadual 3](#) menunjukkan bahawa tahap amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua berdasarkan Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai min keseluruhan (4.274, SP=0.484). Tafsiran ini adalah berdasarkan skala interpretasi min oleh [Bity Salwana \(2009\)](#) yang mengkategorikan julat 4.22 hingga 5.02 sebagai sangat tinggi. Penemuan ini mencerminkan tahap amalan pengurusan yang sangat tinggi dalam kalangan pengetua terhadap usaha menyantuni keperluan psikososial murid khususnya daripada latar belakang keluarga B40. Kelima-lima dimensi keperluan yang digunakan sebagai kerangka pengukuran dalam kajian ini merekodkan skor tinggi hingga sangat tinggi, sekali gus memperkukuh pandangan bahawa pendekatan pengurusan berasaskan keperluan murid bukan sahaja sesuai dilaksanakan, bahkan berpotensi menjadi strategi pengurusan yang efektif dalam konteks sekolah menengah masa kini.

Jadual 3: Tahap Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua

Dimensi Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Dimensi Keperluan Asas	4.009	0.728	Tinggi
Dimensi Keperluan Keselamatan	4.354	0.586	Sangat Tinggi
Dimensi Keperluan Kasih Sayang	4.381	0.558	Sangat Tinggi
Dimensi Keperluan Penghargaan	4.315	0.563	Sangat Tinggi
Dimensi Keperluan Kesempurnaan Kendiri	4.314	0.573	Sangat Tinggi
Tahap keseluruhan	4.274	0.484	Sangat Tinggi

Dimensi keperluan kasih sayang mencatatkan nilai min tertinggi dalam kalangan semua dimensi (min=4.381, SP=0.558). Dapatan ini menunjukkan bahawa pengetua amat menekankan aspek hubungan mesra, empati dan inklusif dalam ekosistem sekolah. Amalan ini dizahirkan melalui usaha menjaga kebajikan murid, memberi ruang kepada suara murid serta menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam membentuk budaya sekolah penyayang. Dalam konteks murid B40 yang berkemungkinan kurang menerima sokongan

emosional dari rumah, kepekaan pengetua terhadap dimensi kasih sayang berperanan sebagai benteng awal dalam mencegah keciciran dari sudut psikososial. Keberkesanan pengurusan dalam dimensi ini turut memperlihatkan keupayaan pengetua membina iklim sekolah yang berteraskan kesejahteraan murid secara holistik.

Seterusnya, dimensi keperluan keselamatan mencatatkan nilai min kedua tertinggi (min=4.354, SP=0.586), menggambarkan bahawa pengetua berupaya menyediakan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif daripada sudut fizikal serta psikologi. Amalan pengurusan dalam dimensi ini merangkumi pemantauan terhadap isu buli, keprihatinan terhadap kes penderaan serta pelaksanaan kerjasama bersepadu dengan ibu bapa dan agensi luar bagi menangani sebarang bentuk ancaman. Keutamaan yang diberikan terhadap keselamatan murid jelas menunjukkan bahawa aspek ini dianggap sebagai prasyarat utama dalam menyokong kesejahteraan emosi dan kelangsungan proses pembelajaran. Pelaksanaan yang berfokus kepada rasa selamat dan perlindungan ini dilihat mampu mewujudkan iklim sekolah yang stabil dan menyokong perkembangan potensi murid secara optimum.

Dalam pada itu, dimensi keperluan penghargaan turut mencatatkan tahap sangat tinggi (min=4.315, SP=0.563). Ini menunjukkan bahawa pengetua telah melaksanakan pelbagai pendekatan untuk mengiktiraf pencapaian dan nilai positif yang dimiliki oleh murid B40. Usaha ini termasuk pemberian anugerah kehadiran, pengiktirafan akademik serta galakan penyertaan dalam kegiatan kokurikulum. Dapatan ini membuktikan bahawa penghargaan yang diberi tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan akademik semata-mata, malah turut merangkumi potensi diri dan sahsiah murid. Keberhasilan dalam dimensi ini berpotensi memperkukuh keyakinan dan harga diri murid, seterusnya meningkatkan keterlibatan mereka dalam pendidikan jangka panjang.

Dimensi kesempurnaan sendiri pula merekodkan nilai min yang hampir setara dengan dimensi penghargaan (min=4.314, SP=0.573). Pengetua dilihat menyediakan ruang dan peluang kepada murid untuk membina potensi diri melalui bimbingan kerjaya, penyertaan dalam aktiviti kokurikulum serta penonjolan bakat individu. Pendekatan ini mencerminkan komitmen pengetua untuk melahirkan murid yang bukan sahaja cemerlang dalam peperiksaan, malah memiliki jati diri yang mantap. Bagi murid B40, pembangunan sendiri yang terarah dan sistematik amat penting untuk membantu mereka mengatasi halangan sosioekonomi melalui pembinaan hala tuju kehidupan yang lebih jelas dan bermakna.

Sebaliknya, dimensi keperluan asas mencatatkan nilai min paling rendah (min=4.009, SP=0.728), namun masih berada dalam kategori tinggi. Dimensi ini melibatkan penyediaan makanan, pakaian, alat tulis, kemudahan sekolah yang bersih dan perkhidmatan pengangkutan yang mencukupi. Nilai sisihan piawai yang agak tinggi menggambarkan wujudnya ketidakseimbangan pelaksanaan antara sekolah, yang mungkin berpunca daripada perbezaan tahap peruntukan sumber dalaman mahupun bantuan luaran seperti NGO atau agensi zakat. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun usaha telah dijalankan, aspek keperluan asas masih memerlukan pelaksanaan yang lebih sistematik dan menyeluruh agar tiada murid terpinggir daripada sokongan asas yang penting untuk kelangsungan mereka dalam pendidikan.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengetua telah melaksanakan amalan pengurusan keperluan murid berdasarkan Teori Keperluan Maslow (1943) secara menyeluruh dan berkesan, dengan penekanan yang seimbang

terhadap keperluan emosi, sosial dan pembangunan sendiri murid. Skor yang sangat tinggi dalam hampir kesemua dimensi membuktikan bahawa pengetua bukan sekadar memainkan peranan sebagai pentadbir tetapi juga sebagai pemimpin kesejahteraan murid yang prihatin terhadap aspek psikososial mereka. Pendekatan ini dilihat berpotensi besar dalam meningkatkan keterlibatan murid dan seterusnya menangani isu keciciran. Justeru, pelaksanaan amalan pengurusan berasaskan keperluan ini wajar terus diperkukuh menerusi dasar sokongan, latihan berterusan serta pemantauan berfokus, agar semua murid terutamanya daripada kelompok B40 mendapat akses pendidikan yang adil, holistik dan bermakna.

4.2 Tahap Keciciran Murid B40

Dapatan kajian yang ditunjukkan dalam [Jadual 4](#) mendapati bahawa tahap keciciran murid B40 di negeri Selangor berada pada tahap rendah berdasarkan nilai min keseluruhan (min=2.141, SP=0.572). Tafsiran ini adalah berpandukan kepada skala interpretasi skor min yang dikemukakan oleh [Bity Salwana \(2009\)](#) yang mengklasifikasikan julat skor min antara 1.79 hingga 2.59 sebagai rendah. Penemuan ini menunjukkan bahawa secara umum, murid B40 masih kekal dalam sistem pendidikan arus perdana dan tidak mempamerkan simptom keciciran yang kritikal. Walau bagaimanapun, analisis lanjut ke atas lima dimensi utama keciciran menunjukkan wujudnya indikasi awal yang memerlukan pemantauan serta intervensi bersasar, khususnya bagi dimensi yang menghampiri julat tahap sederhana.

Jadual 4: Tahap Keciciran Murid B40 di Selangor

Dimensi Keciciran Murid	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Ketidakhadiran Tinggi	2.326	1.002	Rendah
Tidak Menguasai 3M	2.172	0.670	Rendah
Gagal Separuh Subjek atau Keseluruhan	2.091	0.693	Rendah
Kesalahan Disiplin Berulang	2.078	0.708	Rendah
Tiada Motivasi untuk Belajar	2.039	0.676	Rendah
Tahap keseluruhan	2.141	0.572	Rendah

Berdasarkan pecahan dimensi, ketidakhadiran ke sekolah mencatatkan skor tertinggi (min=2.326, SP=1.002) dalam kalangan lima indikator keciciran yang dinilai. Nilai min ini masih berada dalam kategori rendah, namun sisihan piawai yang tinggi menggambarkan kepelbagaian yang besar dalam kalangan murid. Terdapat sebahagian murid yang menunjukkan pola kehadiran yang tidak konsisten, khususnya disebabkan oleh faktor pengangkutan, tanggungjawab keluarga atau keperluan bekerja membantu ibu bapa. Situasi ini menandakan wujudnya kumpulan berisiko tinggi yang memerlukan pemantauan lebih rapi serta penyediaan sokongan logistik dan kebajikan yang bersesuaian.

Dimensi kedua tertinggi ialah tidak menguasai kemahiran asas 3M (min=2.172, SP=0.670) yang turut berada dalam kategori rendah tetapi memerlukan perhatian. Skor ini menunjukkan bahawa masih terdapat murid yang gagal menguasai kemahiran literasi dan numerasi seperti membaca petikan mudah, menulis ayat lengkap dan menyelesaikan soalan matematik asas. Kelemahan dalam 3M memberi implikasi besar terhadap pencapaian keseluruhan murid kerana ia merupakan asas kepada kefahaman kurikulum. Tanpa penguasaan yang mantap dalam 3M, murid cenderung mengalami ketidakupayaan

untuk mengikuti pelajaran yang akhirnya menyumbang kepada keciciran secara perlahan-lahan.

Seterusnya, kegagalan dalam subjek akademik seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah dan Sains menunjukkan nilai min sebanyak ($\text{min}=2.091$, $\text{SP}=0.693$). Dapatan ini membuktikan bahawa sebahagian murid B40 menghadapi cabaran dalam memenuhi keperluan kurikulum akademik. Malah, terdapat murid yang dilaporkan gagal lebih separuh daripada keseluruhan subjek yang diambil dalam peperiksaan akhir. Keadaan ini memberi amaran awal tentang keperluan pelaksanaan program intervensi akademik yang lebih bersasar seperti kelas pemulihan, bimbingan intensif dan penglibatan ibu bapa dalam pemantauan prestasi anak-anak.

Dalam dimensi kesalahan disiplin berulang, skor yang direkodkan ialah ($\text{min}=2.078$, $\text{SP}=0.708$), menunjukkan bahawa walaupun tahap disiplin keseluruhan adalah terkawal, masih wujud segelintir murid yang terlibat dalam pelanggaran peraturan sekolah. Antaranya termasuk keluar kelas tanpa kebenaran, penggunaan bahasa kasar, pergaduhan fizikal serta pergaulan rapat dengan rakan sebaya yang bermasalah. Sisihan piawai yang agak besar menggambarkan bahawa kes-kes ini bersifat terencil tetapi konsisten dalam kumpulan berisiko. Justeru, pemerkasaan bimbingan disiplin dan sokongan kaunseling menjadi elemen penting dalam mencegah keciciran sosial dalam kalangan murid B40.

Akhir sekali, dimensi motivasi murid terhadap sekolah mencatatkan skor paling rendah ($\text{min}=2.039$, $\text{SP}=0.676$), menjadikannya aspek yang paling kritikal dalam kalangan semua dimensi yang dikaji. Murid yang tidak berminat terhadap persekolahan, tidak menyatakan cita-cita dan tidak melihat nilai pendidikan sebagai keperluan masa depan berada dalam kelompok yang sangat terdedah kepada keciciran tersembunyi. Keadaan ini mungkin berpunca daripada persekitaran sekolah yang tidak kondusif secara emosi, kekurangan pengiktirafan atau ketiadaan hubungan positif dengan guru. Oleh itu, intervensi psikososial, pengukuhan motivasi dalaman dan pendekatan penyayang di sekolah adalah antara langkah penting yang perlu difokuskan.

Secara keseluruhannya, walaupun tahap keciciran murid B40 berada pada tahap rendah, dapatan ini menunjukkan bahawa setiap dimensi keciciran memberikan gambaran yang saling melengkapi dan saling berkaitan. Lima dimensi yang dikaji memberi petunjuk tentang keperluan kepada satu sistem intervensi menyeluruh yang bukan sahaja melihat kepada kehadiran atau pencapaian akademik tetapi juga merangkumi aspek disiplin, motivasi dan sokongan emosi. Maka, peranan pihak sekolah dalam mengurus keperluan murid secara holistik menjadi amat penting untuk memastikan kelestarian penglibatan murid B40 dalam sistem pendidikan nasional.

4.3. Hubungan Antara Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua Berdasarkan Teori Keperluan Maslow dengan Tahap Keciciran Murid B40

Hasil analisis korelasi Pearson yang ditunjukkan dalam [Jadual 5](#) mendapati terdapat hubungan negatif yang signifikan pada tahap sederhana antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua dengan tahap keciciran murid B40 di Selangor ($r=-0.382$, $p<0.001$). Nilai p yang sangat rendah ini membuktikan bahawa hubungan tersebut adalah signifikan secara statistik dan tidak berlaku secara kebetulan. Justeru, hipotesis alternatif (H_a) yang menyatakan terdapat hubungan signifikan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua berdasarkan Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) dengan

tahap keciciran murid B40 di Selangor diterima. Dapatan ini menegaskan bahawa semakin tinggi amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua, semakin rendah tahap keciciran dalam kalangan murid B40. Ini menunjukkan kepentingan pelaksanaan strategi pengurusan yang holistik dan berfokus kepada kesejahteraan murid dari pelbagai dimensi.

Jadual 5: Analisis Korelasi antara Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua dengan Tahap Keciciran Murid B40 di Selangor

Pemboleh ubah	Korelasi Pearson (r)	Nilai signifikan (p)	N	Interpretasi Hubungan
Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua dan Tahap Keciciran Murid B40	-0.382**	< .001	377	Hubungan sederhana negatif

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)

Hubungan negatif ini memberikan petunjuk bahawa keberkesanan amalan pengurusan pengetua dalam menyantuni keperluan murid daripada aspek fizikal, keselamatan, kasih sayang, penghargaan sehinggalah kesempurnaan sendiri yang berperanan penting dalam mengurangkan risiko keciciran. Dalam kerangka pengurusan yang mengambil kira keperluan manusia secara berperingkat, motivasi dan keterlibatan murid dalam pembelajaran hanya akan terbentuk apabila keperluan asas serta sokongan emosi telah dipenuhi. Pengetua yang memastikan penyediaan keperluan asas seperti makanan dan pakaian, menjaga keselamatan psikologi, memberikan pengiktirafan terhadap usaha murid dan membuka ruang pembangunan sendiri telah mewujudkan suasana sekolah yang lebih kondusif. Meskipun kekuatan hubungan berada pada tahap sederhana, implikasinya tetap signifikan dalam pembentukan dasar dan amalan sekolah yang responsif terhadap kumpulan murid berisiko.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menyokong keperluan pelaksanaan amalan pengurusan sekolah yang berasaskan teori dan berpaksikan data terutamanya dalam kalangan komuniti pendidikan yang berdepan dengan cabaran keciciran. Kejayaan pengetua dalam melaksanakan pengurusan berasaskan keperluan murid secara berstruktur dan konsisten boleh menjadi penentu kepada keberkesanan intervensi jangka panjang. Oleh itu, pendekatan yang bersifat kolaboratif antara sekolah, ibu bapa dan komuniti, disokong oleh latihan kepimpinan dan sistem pemantauan bersepadu, adalah penting dalam memastikan kelangsungan pendidikan murid B40. Dalam konteks ini, peranan pengetua tidak lagi sekadar sebagai pentadbir tetapi sebagai penggerak utama yang berupaya menterjemahkan teori kepada amalan bagi membina sistem pendidikan yang lebih inklusif dan lestari.

5. Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan berpandukan kepada Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) sebagai kerangka utama. Perbincangan dibuat dengan merujuk kepada analisis statistik yang diperolehi serta dikaitkan dengan kajian-kajian lepas dan situasi sebenar murid B40 di Malaysia. Setiap subbahagian akan menumpukan kepada satu objektif kajian agar perbincangan lebih tersusun, berfokus dan mudah difahami dalam konteks pendidikan semasa. Perbincangan ini juga bertujuan menilai sejauh mana dapatan kajian dapat memberi makna dan sumbangan kepada amalan pendidikan yang lebih inklusif dan responsif.

5.1. Tahap Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua Berdasarkan Teori Keperluan Maslow

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua di negeri Selangor berada pada tahap sangat tinggi. Penemuan ini menunjukkan bahawa pengetua telah melaksanakan peranan mereka dengan berkesan dalam memenuhi pelbagai keperluan murid termasuk aspek fizikal dan psikososial. Keupayaan pengetua dalam menyantuni keperluan murid melalui pendekatan menyeluruh telah menyumbang kepada pembentukan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong perkembangan holistik murid. Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh [Erne Hayaty dan Bity Salwana \(2023\)](#) yang mendapati pengetua berupaya mewujudkan suasana sekolah yang positif apabila keperluan murid diberi perhatian secara menyeluruh. Hal ini turut disokong oleh [Annaliza et al. \(2022\)](#) yang menegaskan bahawa kefahaman pengetua terhadap keperluan murid boleh meningkatkan tahap keterlibatan dan kehadiran mereka ke sekolah.

Antara kelima-lima dimensi yang dikaji, keperluan kasih sayang mencatatkan tahap tertinggi, sekali gus menggambarkan bahawa pengetua memberikan penekanan yang signifikan terhadap pembinaan hubungan mesra, sokongan emosi dan komunikasi terbuka dalam kalangan warga sekolah. Pengetua dilihat memainkan peranan aktif dalam mewujudkan budaya sekolah yang penyayang, inklusif dan bebas diskriminasi, terutamanya bagi murid daripada latar belakang keluarga berpendapatan rendah. Suasana sekolah yang mesra dan menyokong ini telah membina perasaan diterima dan dihargai dalam kalangan murid, yang seterusnya mendorong mereka untuk lebih terlibat dalam aktiviti pembelajaran. Dapatan ini selari dengan penemuan [Danggat Chabo et al. \(2024\)](#) yang menunjukkan bahawa hubungan sosial yang kukuh dalam persekitaran sekolah berperanan sebagai pelindung kepada risiko keciciran. Selain itu, [Syahidah Haziyah dan Jamal \(2021\)](#) turut menyatakan bahawa murid yang berasa disayangi dan disokong secara emosi lebih cenderung untuk hadir ke sekolah dengan konsisten serta menunjukkan penglibatan aktif dalam pembelajaran. Justeru, penekanan terhadap keperluan kasih sayang secara strategik dilihat sebagai antara faktor utama yang menyumbang kepada keterikatan murid terhadap sekolah khususnya dalam kalangan murid B40.

Seterusnya, dimensi keperluan keselamatan turut menunjukkan tahap yang sangat tinggi, mencerminkan keupayaan pengetua dalam mewujudkan persekitaran sekolah yang stabil, teratur dan bebas daripada ancaman fizikal serta psikologi. Usaha ini merangkumi tindakan proaktif dalam menangani isu disiplin, buli, penderaan emosi serta ancaman keselamatan lain yang boleh menjejaskan kesejahteraan murid. Pengetua memainkan peranan penting dalam membina sistem sokongan yang menjamin keselamatan menyeluruh melalui pemantauan berterusan, penguatkuasaan peraturan secara adil serta kerjasama erat dengan guru, ibu bapa dan pihak berkuasa. Dapatan ini selari dengan kajian [Ayu Amirosemini dan Khadijah \(2023\)](#) yang menegaskan bahawa persekitaran sekolah yang selamat merupakan asas kepada keterlibatan murid dalam proses pembelajaran. Selain itu, kajian [Ressa dan Andrews \(2022\)](#) turut mendapati bahawa rasa aman dan dilindungi dalam persekitaran sekolah mempunyai kaitan langsung dengan penurunan kadar keciciran, khususnya dalam kalangan murid berisiko. Oleh itu, usaha pengetua dalam menjamin keselamatan murid perlu diteruskan secara sistematik dan disokong oleh dasar disiplin yang konsisten serta pendekatan kepimpinan yang berempati terhadap kestabilan emosi murid.

Seterusnya, dimensi keperluan penghargaan turut mencatatkan tahap yang sangat tinggi yang menggambarkan usaha pengetua dalam membina budaya sekolah yang mengiktiraf pencapaian serta tingkah laku positif murid. Pengiktirafan yang diberikan secara konsisten terhadap usaha dan sumbangan murid dilihat mampu membina rasa dihargai dan meningkatkan harga diri, terutamanya dalam kalangan murid B40 yang sering berdepan kekurangan sokongan di rumah. Apabila murid berasa dihormati dan disanjung atas pencapaian mereka tidak kira dalam bidang akademik, sahsiah atau kokurikulum, mereka lebih terdorong untuk terus aktif dan komited terhadap proses pembelajaran. Dapatan ini selaras dengan kajian [Annie Jerry dan Mohd Muslim \(2024\)](#) yang mendapati bahawa amalan pemberian penghargaan secara terbuka terhadap usaha murid berupaya merangsang motivasi dalaman dan memperkukuh keterikatan murid terhadap sekolah. Oleh itu, penekanan terhadap keperluan penghargaan dilihat sebagai satu pendekatan strategik dalam menyokong pembangunan psikososial dan kesejahteraan emosi murid secara menyeluruh.

Dalam masa yang sama, dimensi kesempurnaan sendiri juga menunjukkan skor yang sangat tinggi, menandakan komitmen pengetua dalam menyediakan ruang dan peluang kepada murid untuk membina potensi serta mencapai aspirasi diri mereka. Amalan pengurusan yang menyokong pertumbuhan sendiri ini merangkumi penyediaan peluang kokurikulum, pembangunan bakat, bimbingan kerjaya dan sokongan terhadap pencapaian bukan akademik. Dapatan ini membuktikan bahawa pengetua tidak hanya menumpukan kepada pencapaian peperiksaan tetapi turut memfokuskan pembangunan sahsiah dan jati diri murid agar mereka dapat mengharungi cabaran kehidupan dengan lebih yakin dan berdaya saing. Kajian oleh [Muhammad Nur Asyraf dan Bity Salwana \(2020\)](#) mengesahkan bahawa sokongan terhadap pembangunan sendiri murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik, sahsiah serta penyertaan aktif dalam aktiviti sekolah. Maka, keupayaan pengetua dalam memenuhi keperluan kesempurnaan sendiri ini amat penting bagi memastikan murid B40 tidak tercicir dari segi perkembangan personaliti dan potensi masa depan, sekali gus menyumbang kepada kelestarian pendidikan inklusif yang menyeluruh.

Namun begitu, dimensi keperluan asas mencatatkan skor paling rendah walaupun masih dalam kategori tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengetua berdepan cabaran yang lebih besar dalam memastikan keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian, alat tulis dan kemudahan asas dapat disediakan secara konsisten kepada semua murid B40. Skor yang tidak seimbang antara sekolah menunjukkan adanya variasi pelaksanaan, kemungkinan besar disebabkan oleh ketidaksamaan peruntukan, sumber dalaman serta jaringan sokongan luaran. Menurut [Bity Salwana et al. \(2023\)](#), kekangan sumber dan proses birokrasi dalam penyampaian bantuan sering kali menjadi penghalang kepada kesinambungan intervensi. Kajian oleh [Pellegrini et al. \(2025\)](#) turut menyatakan bahawa akses tidak sekata terhadap keperluan asas menyumbang secara langsung kepada risiko keciciran, terutamanya apabila bantuan bergantung kepada keberkesanan pengagihan dan kerjasama antara pelbagai pihak. Oleh itu, dapatan ini menekankan kepentingan memperkukuh jaringan kerjasama antara sekolah dengan agensi luar, NGO dan sektor korporat agar bantuan dapat disalurkan secara menyeluruh, menasaskan murid yang benar-benar memerlukan dan memberi impak maksimum terhadap kesinambungan pendidikan mereka.

Penemuan dalam dimensi keperluan asas ini merupakan antara aspek terpenting dan paling unik dalam kajian ini. Walaupun keperluan asas sering dianggap sebagai tahap paling rendah dalam hierarki Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#), namun dalam konteks

murid B40, ia memainkan peranan yang paling kritikal bagi memastikan kesediaan mereka untuk terlibat secara bermakna dalam proses pembelajaran. Tekanan sosioekonomi seperti ketiadaan makanan, pakaian seragam, alat tulis dan pengangkutan telah dikenal pasti sebagai penghalang utama kepada kehadiran dan keterlibatan murid dalam pendidikan formal. Maka, usaha untuk menampung keperluan asas tidak seharusnya dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada pihak sekolah sahaja. Ia perlu disokong oleh dasar pendidikan yang inklusif, proaktif dan berpandukan data, selain penglibatan strategik daripada agensi kerajaan, NGO, sektor korporat dan komuniti tempatan. Sekiranya keperluan asas ini gagal dipenuhi secara konsisten, maka sebarang bentuk intervensi psikososial yang lain juga tidak akan memberikan kesan optimum kerana asas kelangsungan murid telah terabai.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa keperluan asas wajar dijadikan keutamaan dalam mana-mana pelan intervensi pendidikan. Hanya setelah keperluan asas murid dipenuhi, barulah mereka mampu menumpukan perhatian terhadap pembelajaran dan mencapai tahap motivasi serta daya tahan yang stabil. Selaras dengan kerangka hierarki keperluan manusia, pendekatan pengurusan murid yang berkesan perlu bermula dengan memperkukuh aspek kebajikan asas sebelum beralih kepada dimensi psikososial seperti penghargaan dan pencapaian sendiri. Dalam hal ini, pengetua memerlukan sokongan yang mencukupi dari segi sumber kewangan, autonomi kepimpinan serta dasar yang membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab ini secara berkesan dan berstruktur. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia memperkemas sistem penyampaian bantuan sedia ada dengan meletakkan pihak sekolah sebagai pemacu utama pelaksanaan intervensi kebajikan murid. Pendekatan yang menyeluruh dan berpaksikan keperluan murid ini diyakini mampu mengurangkan risiko keciciran dalam kalangan murid B40 secara lebih mampan dan bersasar.

5.2. Tahap Keciciran Murid B40 di Selangor

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan, tahap keciciran murid B40 di Selangor berada pada tahap rendah. Meskipun secara purata ia tidak tergolong dalam kategori membimbangkan, penemuan ini tetap memberi petunjuk awal tentang kewujudan gejala keciciran tersembunyi yang boleh berkembang secara progresif sekiranya tidak ditangani melalui intervensi yang sistematik dan berfokus. Dalam konteks kajian ini, keciciran ditakrifkan secara menyeluruh, bukan hanya melibatkan tindakan berhenti sekolah, tetapi juga merangkumi pelbagai indikator tingkah laku berisiko seperti kehadiran tidak konsisten, kelemahan penguasaan asas 3M, pencapaian akademik yang merosot, kesalahan disiplin berulang serta ketiadaan motivasi terhadap pembelajaran. Takrifan ini selaras dengan panduan dasar semasa yang menegaskan bahawa murid yang masih berada dalam sistem persekolahan tetapi menunjukkan kecenderungan untuk tercicir melalui manifestasi tingkah laku tersebut perlu dikenal pasti lebih awal dan diberikan sokongan yang menyeluruh ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018](#)). Oleh itu, meskipun tahap keciciran direkodkan sebagai rendah secara agregat, realiti di peringkat pelaksanaan menunjukkan keperluan mendesak kepada pendekatan pencegahan yang lebih strategik dan inklusif bagi menjamin keterlibatan berterusan murid B40 dalam pendidikan arus perdana.

Daripada lima dimensi yang dikaji, ketidakhadiran merupakan antara aspek yang paling menonjol dari segi skor relatif, menunjukkan masih wujud murid B40 yang tidak hadir ke sekolah secara konsisten. Tingkah laku ini menggambarkan tekanan domestik yang dihadapi oleh sebahagian murid, seperti keperluan membantu keluarga bekerja, menjaga

adik-beradik atau berdepan isu pengangkutan yang tidak menentu. Meskipun berada pada tahap rendah secara keseluruhan, sisihan piawai yang tinggi menunjukkan wujudnya kepelbagaian yang ketara dalam corak kehadiran, menandakan kehadiran tidak konsisten sebagai simptom awal kepada keciciran. Dapatan ini disokong oleh [Bulut et al. \(2024\)](#) yang mengaitkan ketidakhadiran sebagai salah satu indikator utama keciciran senyap dalam kalangan pelajar berisiko. [Bity Salwana et al. \(2023\)](#) turut menegaskan bahawa murid daripada keluarga berpendapatan rendah sering menunjukkan corak kehadiran yang tidak stabil akibat tekanan ekonomi domestik dan kekurangan sokongan logistik, seperti makanan, pengangkutan dan pengawasan dewasa di rumah. Justeru, kehadiran yang tidak konsisten memerlukan pemantauan sistematik melalui sistem amaran awal dan intervensi yang melibatkan keluarga, komuniti dan agensi luar secara bersepadu.

Seterusnya, dimensi penguasaan kemahiran asas 3M menunjukkan masih terdapat murid B40 yang belum menguasai literasi dan numerasi asas dengan baik. Keupayaan membaca, menulis dan mengira merupakan teras utama kepada kebolehan mengikuti pengajaran dan penilaian dalam kurikulum. Kelemahan dalam kemahiran ini boleh menyebabkan murid berasa tercicir dalam kelas, kehilangan keyakinan, dan akhirnya menyumbang kepada keciciran senyap secara berperingkat. Kajian oleh [Azlin Norhaini et al. \(2015\)](#) menunjukkan bahawa jurang penguasaan asas dalam kalangan murid B40 berpunca daripada pelbagai faktor seperti kekurangan rangsangan awal di rumah, akses terhadap kepada bahan bacaan, serta kurangnya bimbingan selepas waktu persekolahan. Laporan [UNESCO \(2024\)](#) turut menyatakan bahawa kemiskinan kekal sebagai halangan utama kepada literasi asas yang berkesan, terutamanya dalam kalangan murid daripada komuniti terpinggir. Oleh itu, keperluan intervensi pemulihan yang berfokus kepada 3M amat penting bagi memastikan murid B40 kekal relevan dan berdaya saing dalam sistem pendidikan arus perdana.

Sementara itu, dimensi kegagalan subjek turut mencerminkan kehadiran cabaran akademik yang signifikan dalam kalangan murid B40 walaupun berada dalam kategori keciciran yang rendah. Terdapat murid yang terus bergelut dengan subjek-subjek teras dan menunjukkan prestasi yang lemah secara konsisten, sekaligus menjejaskan minat dan keterlibatan mereka dalam pembelajaran formal. Keadaan ini sering berpunca daripada ketiadaan sokongan pembelajaran yang mencukupi di rumah, kesan tekanan ekonomi keluarga, serta kekurangan akses kepada sumber pendidikan tambahan. [Norfarahzatul et al. \(2022\)](#) menjelaskan bahawa murid daripada keluarga berpendapatan rendah lebih cenderung menghadapi kesukaran dalam mengekalkan prestasi akademik disebabkan oleh keterbatasan sumber dan kurangnya penglibatan ibu bapa dalam pemantauan pembelajaran anak. [Heradstveit et al. \(2024\)](#) turut menegaskan bahawa murid yang gagal menunjukkan pencapaian akademik yang stabil berisiko mengalami pengasingan secara beransur daripada sistem pendidikan, terutamanya apabila mereka tidak menerima intervensi yang bersesuaian. Oleh itu, keperluan kepada strategi pemulihan akademik yang menyeluruh, termasuk sokongan pembelajaran berstruktur, pengayaan sendiri dan bimbingan secara berterusan, amat penting untuk memastikan murid B40 kekal terlibat dan bermotivasi dalam persekitaran pembelajaran arus perdana.

Dimensi kesalahan disiplin pula menunjukkan bahawa kes pelanggaran disiplin berlaku secara terpencil tetapi berulang, menggambarkan tingkah laku berisiko yang masih wujud dalam kalangan segelintir murid B40. Tingkah laku seperti ponteng kelas, melanggar peraturan atau berada di luar kawasan tanpa kebenaran biasanya berpunca daripada tekanan keluarga, persekitaran yang tidak kondusif dan ketiadaan sokongan

emosi yang berkesan. Kajian [Annie Jerry dan Mohd Muslim \(2024\)](#) menunjukkan bahawa masalah disiplin dalam kalangan murid B40 lazimnya berkait rapat dengan tekanan keluarga, persekitaran yang tidak menyokong serta kekurangan sokongan emosi. Penemuan ini disokong oleh [Desai et al. \(2024\)](#) yang menekankan bahawa ketiadaan sistem sokongan sosial yang kukuh dan bebanan persekitaran boleh mencetuskan kecenderungan pelanggaran disiplin dalam kalangan murid berpendapatan rendah. Oleh itu, pendekatan pengurusan disiplin di sekolah perlu lebih bersifat bimbingan, pemulihan dan penyayang serta disokong oleh persekitaran yang menghargai kesejahteraan murid secara menyeluruh bagi mengelakkan berlakunya keciciran sosial.

Akhir sekali, dimensi tiada motivasi untuk belajar dikenal pasti sebagai aspek yang memerlukan perhatian khusus dalam konteks keciciran murid B40. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat murid yang telah hilang motivasi intrinsik untuk meneruskan persekolahan disebabkan kurangnya sokongan emosi, tekanan sosioekonomi, dan ketiadaan dorongan peribadi terhadap masa depan pendidikan. Hal ini disokong oleh [Bity Salwana et al. \(2023\)](#) yang menegaskan bahawa kehilangan motivasi sering berlaku apabila murid tidak mendapat pengukuhan psikososial yang mencukupi, seterusnya menjejaskan keterlibatan mereka dalam bilik darjah. Kajian [Mendoza-Lira et al. \(2024\)](#) menunjukkan bahawa kekurangan motivasi merupakan petanda awal kepada keciciran senyap terutamanya apabila murid tidak melihat pendidikan sebagai jalan keluar daripada kemiskinan. Oleh itu, pengukuhan sokongan psikososial dan pembinaan hubungan positif antara pihak sekolah dan murid perlu diberi perhatian sebagai benteng terakhir kepada keciciran.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa meskipun tahap keciciran murid B40 di Selangor direkodkan sebagai rendah secara keseluruhan, kewujudan pelbagai isu yang dikenal pasti melalui lima dimensi utama iaitu ketidakhadiran, kelemahan penguasaan 3M, kegagalan akademik, kesalahan disiplin dan ketiadaan motivasi telah memberi isyarat jelas terhadap keperluan intervensi yang lebih menyeluruh. Setiap dimensi ini tidak wajar dilihat secara terpisah, sebaliknya saling berhubung secara kompleks dan berpotensi mencetuskan gelombang keciciran sekiranya tidak ditangani secara awal dan sistematik. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar strategi pencegahan keciciran tidak hanya tertumpu kepada kehadiran dan prestasi akademik semata-mata, tetapi turut melibatkan intervensi psikososial, pembangunan sahsiah serta penglibatan aktif ibu bapa dan komuniti setempat. Pendekatan holistik berasaskan lima dimensi keciciran yang dikenal pasti ini diyakini mampu membina sistem sokongan yang lebih mampan, inklusif dan responsif terhadap keperluan sebenar murid B40 dalam konteks pendidikan di Selangor.

5.3 Hubungan Antara Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Pengetua Berdasarkan Teori Keperluan Maslow Dengan Tahap Keciciran Murid B40

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan pada tahap sederhana antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua dengan tahap keciciran murid B40 di Selangor. Hubungan ini menggambarkan bahawa semakin tinggi tahap pengurusan keperluan murid yang diamalkan oleh pengetua, semakin rendah kecenderungan murid B40 untuk terlibat dalam gejala keciciran. Penemuan ini menyokong asas Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) yang menekankan bahawa individu hanya dapat mencapai potensi sepenuhnya apabila keperluan asas mereka dipenuhi secara sistematik. Dalam konteks ini, peranan pengetua sebagai pemimpin kesejahteraan menjadi amat penting, terutamanya apabila amalan pengurusan mereka merangkumi

keperluan fizikal, keselamatan, kasih sayang, penghargaan dan kesempurnaan sendiri murid. Meskipun kekuatan hubungan adalah sederhana, signifikan statistik yang diperoleh membuktikan bahawa kepimpinan pengetua berasaskan empati dan keprihatinan memainkan peranan langsung dalam mengurangkan risiko keciciran murid berisiko tinggi seperti kelompok B40.

Dapatan ini turut disokong oleh kajian tempatan oleh [Muhammad Nur Asyraf dan Bity Salwana \(2020\)](#) yang mendapati bahawa amalan pengurusan yang menekankan kebajikan asas murid mampu menstabilkan kehadiran dan meningkatkan keterlibatan mereka dalam pembelajaran. Pengetua yang menerapkan pendekatan empati dan kasih sayang bukan sahaja membina suasana sekolah yang selamat dan menyokong, malah bertindak sebagai benteng awal kepada gejala keciciran. Kajian [Heradstveit et al. \(2024\)](#) turut mengesahkan bahawa sokongan emosi dan hubungan positif antara murid dengan pihak sekolah memainkan peranan penting dalam meningkatkan keterikatan murid terhadap institusi pendidikan, terutamanya dalam kalangan murid berisiko. Ini membuktikan bahawa pengetua bukan sahaja bertindak sebagai pentadbir, malah sebagai pembentuk kesejahteraan psikososial murid. Justeru, pendekatan berasaskan keperluan murid terbukti mampu membina iklim sekolah yang bukan sahaja peka terhadap keperluan fizikal murid tetapi juga menyuburkan pembangunan sahsiah, jati diri dan motivasi dalaman.

Secara lebih mendalam, analisis dimensi mendapati bahawa keperluan kasih sayang merupakan dimensi yang paling dominan dalam membentuk hubungan antara amalan pengurusan pengetua dan tahap keciciran murid. Keprihatinan pengetua terhadap hubungan sosial, penerimaan emosi dan pengurangan diskriminasi sosial dalam kalangan murid B40 memainkan peranan penting dalam memastikan murid berasa selamat, disayangi dan dihargai. Iklim kasih sayang yang dibina melalui komunikasi terbuka dan interaksi mesra dalam kalangan warga sekolah terbukti mempunyai kesan pelindung terhadap risiko keciciran. Kajian oleh [Erne Hayaty dan Bity Salwana \(2023\)](#) menunjukkan bahawa murid yang menerima sokongan emosi yang konsisten lebih cenderung untuk menunjukkan keterikatan terhadap sekolah dan bersemangat meneruskan pembelajaran. Selain itu, [Norfarahzatul et al. \(2022\)](#) turut menegaskan bahawa pengabaian terhadap keperluan emosi boleh mencetuskan gejala keciciran tersembunyi, terutama dalam kalangan murid berisiko. Justeru, sokongan emosi perlu dijadikan elemen penting dalam pelaksanaan kepimpinan pengetua, seiring dengan pelaksanaan intervensi akademik dan kebajikan yang bersepadu.

Namun begitu, hubungan negatif sederhana ini turut mencerminkan bahawa keciciran murid B40 tidak hanya dipengaruhi oleh amalan pengurusan pengetua semata-mata. Kajian oleh [Bity Salwana et al. \(2023\)](#) mendedahkan bahawa keberkesanan intervensi sekolah sering terhalang oleh isu kelewatan dan ketidaktepatan data penerima bantuan, ketidaksamarataan agihan sumber, kekangan peruntukan serta ketiadaan program motivasi berfokus yang benar-benar menyasarkan murid berisiko. Tambahan pula, faktor latar belakang keluarga seperti keperluan bekerja, masalah kesihatan mental dan kekurangan sokongan komuniti turut dikenal pasti sebagai penyumbang signifikan kepada kecenderungan tercicir. Hal ini disokong oleh laporan [Pellegrini et al. \(2025\)](#) yang menegaskan bahawa usaha menangani keciciran memerlukan pendekatan sistemik merangkumi program pencegahan dan intervensi secara berfasa serta pelibatan aktif daripada pelbagai pihak termasuk komuniti, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Oleh itu, bergantung semata-mata kepada keupayaan pengetua tanpa sokongan strategik

secara merentas sektor adalah tidak mencukupi untuk memastikan hasil intervensi yang mampan dan inklusif.

Penemuan ini mengesahkan sumbangan baharu kajian apabila hubungan antara amalan pengurusan berasaskan hierarki Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) dengan tahap keciciran murid B40 dibuktikan secara empirikal dalam konteks pendidikan menengah di Selangor. Berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang lebih menumpukan kepada aspek pencapaian akademik atau motivasi pembelajaran, kajian ini memberi tumpuan khusus terhadap bagaimana pendekatan pengurusan yang menyantuni keperluan psikososial murid dapat berperanan sebagai mekanisme pencegahan keciciran yang berkesan. Kajian ini turut menyumbang kepada pengukuhan wacana dasar pendidikan apabila memperlihatkan keperluan untuk meluaskan skop intervensi murid B40 daripada bantuan material semata-mata kepada strategi kesejahteraan menyeluruh yang melibatkan keperluan kasih sayang, penghargaan dan pembangunan sendiri. Dapatan ini juga menjadi asas kepada cadangan penambahbaikan dasar pengurusan dan kepimpinan sekolah khususnya dalam memperkasa peranan pengetua sebagai agen kesejahteraan murid dan pemangkin perubahan dalam komuniti sekolah yang berdepan pelbagai cabaran sosioekonomi.

Sebagai kesimpulan, hubungan yang dikenal pasti dalam kajian ini memberikan implikasi penting terhadap pelaksanaan dasar pendidikan sedia ada. Pengetua perlu dilihat bukan hanya sebagai pentadbir, sebaliknya sebagai pemimpin kesejahteraan murid yang berupaya membina jalinan psikososial yang kukuh, empati dan berterusan. Sehubungan itu, KPM disaran untuk menstruktur semula pelan intervensi keciciran dengan memberi penekanan kepada latihan kepimpinan holistik, pemerkasaan komuniti sekolah serta penyelarasan dasar bantuan yang bersifat mesra pelaksanaan dan bersesuaian dengan konteks setempat. Apabila amalan pengurusan pengetua berlandaskan prinsip [Maslow \(1943\)](#) dan disokong secara sistematik oleh dasar serta agensi pelaksana, usaha menangani keciciran murid B40 dapat dilaksanakan secara lebih berfokus, menyeluruh dan berkesan. Langkah ini penting bagi memastikan pendidikan inklusif dapat direalisasikan tanpa meninggalkan mana-mana kelompok murid, khususnya daripada latar belakang keluarga berpendapatan rendah.

5.4. Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan implikasi penting terhadap pendekatan teori, dasar pendidikan dan amalan pengurusan sekolah dalam usaha menangani isu keciciran murid B40 secara berkesan. Penemuan hubungan negatif yang signifikan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua dengan tahap keciciran membuktikan bahawa pengurusan yang menitikberatkan kesejahteraan murid dapat menyumbang kepada pengurangan gejala keciciran dalam kalangan murid berisiko. Pengetua yang proaktif, empatik dan peka terhadap keperluan murid yang merangkumi aspek kebajikan asas, emosi dan sosial berperanan sebagai pemimpin kesejahteraan yang dapat merangsang motivasi, meningkatkan keterlibatan serta mengukuhkan kehadiran murid ke sekolah. Maka, penemuan ini menyokong keperluan memperkukuh kapasiti pengetua sebagai agen perubahan dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif, selamat dan menyokong bagi memastikan kelangsungan murid B40 dalam sistem pendidikan arus perdana.

Selain itu, dari sudut teori, kajian ini mengesahkan kesesuaian dan kebolehlaksanaan Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) dalam menjelaskan keperluan murid dan tingkah laku

murid berisiko tercicir. Dalam konteks murid B40 di sekolah menengah, keperluan murid seperti keperluan asas, keselamatan, kasih sayang, penghargaan dan kesempurnaan sendiri terbukti menjadi faktor pelindung kepada kelangsungan penglibatan mereka dalam pendidikan. Implikasi ini menunjukkan bahawa model teori tersebut bukan sahaja masih relevan dalam persekitaran pendidikan masa kini, malah boleh digunakan sebagai kerangka pelengkap dalam merangka intervensi sokongan murid secara menyeluruh. Keupayaannya untuk disesuaikan mengikut konteks tempatan menjadikan teori ini bersifat fleksibel dan praktikal untuk diaplikasikan dalam sistem pendidikan yang berhadapan dengan pelbagai cabaran ketidaksamarataan sosioekonomi.

Seterusnya, dari aspek dasar pendidikan, dapatan kajian ini mengisytiharkan keperluan untuk menilai semula strategi sedia ada agar lebih responsif terhadap keperluan sebenar murid berisiko, khususnya B40. Walaupun Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013](#)) menekankan prinsip akses dan ekuiti, pelaksanaan dasar di peringkat sekolah masih berdepan cabaran ketaksamaan bantuan, penyasaran yang kurang berfokus dan kekangan sumber. Oleh itu, pelaksanaan dasar seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT), pinjaman peranti, bimbingan motivasi dan sokongan emosi perlu dilaksanakan secara lebih menyeluruh, berpandukan data sahih serta disokong oleh pemantauan berkala. Dasar pendidikan yang berasaskan data, bersifat kontekstual dan mesra pelaksanaan akan memperkukuh fungsi sekolah sebagai institusi sokongan utama dalam pencegahan keciciran murid.

Sementara itu, dari segi amalan pengurusan sekolah, penemuan ini menekankan keperluan memperkasa pengetua sebagai peneraju utama dalam menjayakan intervensi keciciran. Pengetua perlu dilengkapi dengan latihan profesional yang menekankan kepimpinan empatik, pemahaman terhadap keperluan psikososial murid serta kecekapan merancang pelan tindakan berasaskan bukti. Autonomi dalam membuat keputusan dan keupayaan membina jaringan kerjasama strategik dengan komuniti setempat, agensi kerajaan dan NGO juga amat penting dalam memperkukuh ekosistem sokongan murid. Pengetua yang memahami peranan mereka bukan sahaja sebagai pentadbir, tetapi sebagai pembentuk kesejahteraan murid akan dapat menggerakkan perubahan secara sistemik dalam budaya sekolah dan pengurusan murid berisiko tercicir.

Sebagai rumusan, kajian ini memberikan asas yang kukuh bagi pembentukan dasar, pelaksanaan latihan serta pengukuhan amalan pengurusan yang menyeluruh dalam menangani isu keciciran murid B40 secara berimpak. Tiga implikasi utama yang diperincikan iaitu kesesuaian Teori Keperluan [Maslow \(1943\)](#) sebagai pendekatan pengurusan murid, keperluan penambahbaikan dasar pendidikan sedia ada serta peningkatan kapasiti pengurusan dan kepimpinan pengetua perlu dijadikan teras kepada agenda reformasi pendidikan yang lebih inklusif dan responsif. Justeru, dengan sokongan dasar yang mantap, amalan pengurusan sekolah yang progresif serta kolaborasi strategik antara pelbagai agensi, usaha mengurangkan keciciran murid B40 dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan mampan. Hal ini penting bagi memastikan akses kepada pendidikan yang adil dan berdaya tahan dapat direalisasikan untuk semua lapisan masyarakat khususnya golongan rentan.

5.5. Cadangan Kajian Lanjutan

Sebagai kesinambungan kepada dapatan kajian ini, penyelidikan lanjutan wajar dijalankan bagi memperluas pemahaman terhadap isu keciciran murid B40 secara lebih mendalam dan kontekstual. Kajian lanjutan disarankan untuk meneroka pengalaman

murid B40 yang berisiko tercicir melalui pendekatan kualitatif. Hal ini penting kerana aspek seperti motivasi dalaman, tekanan emosi, konflik kekeluargaan dan tahap sokongan persekitaran sukar diukur secara kuantitatif, namun memainkan peranan besar dalam keterlibatan murid dengan sekolah. Temu bual separa berstruktur bersama murid, guru, pengetua dan ibu bapa dapat memberikan pemahaman yang lebih holistik terhadap faktor halus yang mempengaruhi keputusan murid untuk meneruskan persekolahan. Kajian kualitatif ini juga boleh menelusuri bagaimana setiap dimensi dalam Teori Keperluan Maslow (1943) yang bermula dari keperluan asas hingga kesempurnaan sendiri dialami atau diabaikan oleh murid B40 dalam konteks kehidupan sebenar mereka, khususnya di kawasan berpendapatan rendah di negeri yang mencatat kadar keciciran tinggi.

Selain pendekatan eksplorasi pengalaman murid, kajian lanjutan juga boleh menilai secara empirikal keberkesanan dasar pendidikan sedia ada yang menyasarkan pengurangan keciciran. Program seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Bantuan Awal Persekolahan, pemberian peranti digital dan inisiatif kaunseling sekolah wajar dinilai melalui reka bentuk kuasi-eksperimen atau longitudinal. Kajian sebegini dapat menentukan sama ada intervensi sedia ada benar-benar memberi impak terhadap kehadiran, motivasi dan prestasi akademik murid B40 dalam jangka masa panjang. Aspek keberkesanan ini juga perlu ditinjau dari sudut kemampuan dasar dalam menyantuni keperluan asas murid. Penyelidikan turut boleh mengukur sejauh mana pengetua sekolah diberi kuasa dan fleksibiliti mencukupi untuk melaksanakan dasar secara bersasar mengikut keperluan setempat dan tahap risiko berbeza antara sekolah.

Seterusnya, kajian perbandingan dicadangkan bagi meneliti perbezaan antara sekolah bandar dan luar bandar dari segi cabaran serta strategi menangani keciciran murid B40. Sekolah luar bandar mungkin berdepan kekangan logistik, kekurangan tenaga pengajar atau infrastruktur asas, manakala sekolah bandar pula berhadapan dengan tekanan sosial dan kesenjangan ekonomi. Dengan membandingkan dua konteks ini, penyelidik dapat mengenal pasti pendekatan pengurusan keperluan murid yang paling sesuai berdasarkan keadaan setempat. Kajian juga boleh menilai bagaimana pelaksanaan pengurusan berdasarkan keperluan murid berbeza mengikut persekitaran sosioekonomi dan budaya komuniti. Hasil kajian ini akan membantu pihak kerajaan dan agensi pelaksana merangka strategi intervensi serta dasar bantuan yang lebih adil, responsif dan kontekstual.

Akhir sekali, kajian lanjutan disaran untuk menumpukan kepada faktor dalaman sekolah yang menyumbang kepada kejayaan intervensi, terutamanya dari aspek pengurusan pengetua dan komitmen guru. Kajian ini boleh meneliti secara mendalam sejauh mana pengetua mampu menerjemahkan prinsip kepentingan memenuhi keperluan murid ke dalam amalan sebenar di sekolah serta peranan guru sebagai penghubung psikososial murid dengan sistem pendidikan. Penyelidikan yang menggabungkan analisis terhadap struktur organisasi sekolah, tahap komitmen guru serta keberkesanan kolaborasi dengan ibu bapa dan komuniti boleh membantu membentuk model pengurusan murid berisiko yang lebih komprehensif. Usaha ini dapat memperkukuh ekosistem pendidikan yang lebih inklusif, adaptif dan berkeupayaan menangani keciciran secara pelbagai dimensi, selaras dengan matlamat pembangunan pendidikan negara yang menekankan kesejahteraan murid.

Cadangan-cadangan ini diharapkan dapat memperkukuh asas pengetahuan sedia ada dan menjadi pemangkin kepada penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang pengurusan pendidikan. Oleh itu, dengan menyatukan pendekatan kuantitatif dan kualitatif,

memperluas skop penilaian dasar serta mengiktiraf kepelbagaian konteks sekolah, penyelidikan masa hadapan berpotensi menyumbang secara langsung kepada pembentukan dasar pendidikan yang lebih inklusif dan lestari. Hal ini turut menjamin bahawa setiap murid, khususnya dari kelompok B40 mendapat peluang pendidikan yang adil dan menyeluruh tanpa terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan struktur. Penyelidikan lanjutan yang melibatkan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, pemimpin sekolah dan ahli akademik akan mewujudkan ekosistem penyelidikan yang lebih responsif dan pragmatik. Maka, pengetahuan baharu yang dijana bukan sahaja menyumbang kepada perbendaharaan ilmu, malah mampu diterjemah secara praktikal ke dalam amalan pendidikan sebenar di lapangan.

6. Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua dengan tahap keciciran murid B40. Semakin tinggi tahap amalan pengurusan keperluan murid yang dilaksanakan oleh pengetua, semakin rendah tahap keciciran murid B40. Penemuan ini mengesahkan bahawa peranan pengetua sebagai pengurus kesejahteraan murid amat penting dalam membentuk iklim sekolah yang kondusif dan menyokong kelangsungan pendidikan terutamanya dalam kalangan murid yang berisiko tinggi akibat tekanan sosioekonomi. Peranan ini bukan sahaja terbatas kepada aspek pentadbiran atau akademik semata-mata, malah merangkumi keupayaan pengetua untuk mengatur sumber dan sokongan yang relevan bagi memenuhi keperluan menyeluruh murid di peringkat sekolah. Peranan strategik ini menuntut pengetua untuk lebih peka terhadap hal ehwal murid dari sudut fisiologi, emosi, ekonomi dan sosial sebagai sebahagian daripada tanggungjawab pengurusan yang menyeluruh dan berkesan.

Hasil kajian ini turut mengukuhkan aplikasi teori dalam konteks pendidikan apabila didapati bahawa dimensi keperluan asas merupakan yang paling rendah dalam kalangan murid B40. Hal ini kerana, keperluan asas seperti makanan, pakaian, bantuan kewangan dan kemudahan kelengkapan di sekolah perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum murid dapat memberi tumpuan kepada proses pembelajaran dan pencapaian yang lebih tinggi. Keadaan ini menuntut perhatian serius terhadap penyediaan bantuan fizikal dan psikososial seperti makanan tambahan, bantuan kewangan, alat tulis, pakaian seragam, kelengkapan sekolah serta sokongan emosi dan psikologi. Penekanan terhadap pengurusan keperluan asas ini adalah kritikal kerana kegagalan memenuhi tahap keperluan paling asas akan menghalang murid daripada bergerak ke tahap motivasi sendiri dan pencapaian akademik. Pengurusan keperluan asas bukan sekadar elemen sokongan tetapi merupakan prasyarat asas bagi memastikan murid dapat terus terlibat dalam pembelajaran secara bermakna dan berterusan. Oleh itu, pengurusan sekolah yang prihatin dan responsif terhadap keperluan asas murid bukan sahaja dapat mengurangkan kadar keciciran, malah berperanan sebagai pemangkin utama kepada keterlibatan, motivasi dan kejayaan mereka dalam sistem persekolahan.

Secara keseluruhan, keunikan kajian ini terletak pada fokus khusus terhadap amalan pengurusan keperluan murid oleh pengetua yang masih jarang disentuh secara mendalam dalam penyelidikan pendidikan tempatan. Pendekatan kajian yang berasaskan data kuantitatif ini telah berjaya mengenal pasti hubungan empirikal yang signifikan sekali gus menawarkan sumbangan baharu kepada pembangunan teori dan amalan pendidikan. Secara khusus, kajian ini membuka ruang baharu dalam wacana keciciran murid dengan memperkenalkan pendekatan pengurusan berasaskan keperluan murid

sebagai strategi intervensi utama. Penegasan bahawa keciciran bukan semata-mata berpunca daripada kelemahan individu atau keluarga tetapi berkait langsung dengan kepekaan pihak sekolah terhadap keperluan murid, menjadikan dapatan ini relevan untuk dasar dan amalan pengurusan pendidikan yang lebih holistik. Dapatan ini memberi asas kukuh kepada pembentukan dasar serta strategi intervensi yang lebih bersasar, inklusif dan berimpak tinggi dalam usaha menangani keciciran murid B40 secara mampan. Kajian ini membuka ruang kepada reformasi pengurusan sekolah yang lebih inklusif dan berpaksikan keperluan murid khususnya dalam kalangan kumpulan B40 yang tercicir daripada arus pendidikan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Pendidikan, (EPRD, KPM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada KPM kerana memberikan biasiswa HLP kepada saya. Seterusnya ribuan terima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Bity Salwana Alias yang tidak pernah jemu memberikan bimbingan serta memberi peluang kepada saya untuk terlibat dengan geran penyelidikan kajian keciciran UKM GG-2024-043. Ucapan penghargaan juga saya berikan kepada seluruh ahli keluarga yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan serta jutaan terima kasih kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan berkaitan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Ainisaadah Mohd Saod, Nurul Aliah Ahmad Rushdi, Azreen Anoar, Mohd Aswad Aziz, & Aziah Ismail. (2024). Komitmen guru dalam meningkatkan pencapaian murid Orang Asli di pedalaman: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 6(20), 394-411.
- Anniliza Mohd Isa, Al-Amin Mydin, & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2022). Amalan pengurusan berasaskan sekolah, pengupayaan dan autonomi guru sekolah kebangsaan di Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(3), 36-49.
- Annie Jerry, & Mohd Muslim Md Zalli. (2024). Faktor keluarga dan sekolah terhadap murid berisiko cecir: Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. *Southeast Asia Psychology Journal*, 12(2), 252-272.

- Ayu Amirosemini Yusoff, & Khadijah Abdul Razak. (2023). Amalan pengajaran guru bagi pembelajaran murid tercicir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 1(1), 36–52.
- Azlin Norhaini Mansor, Suria Huszaini, Ummi Salamah Samadi, & Intan Farahana Kamsin. (2015). Kemahiran kehidupan untuk murid berisiko tercicir. *Journal of Personalized Learning*, 1(1), 93–103.
- Bity Salwana Alias. (2009). *Analisis kompetensi, kualiti peribadi, pengetahuan, kemahiran dan amalan pengetua dalam bidang pengurusan sekolah* [Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Bity Salwana Alias, Khairul Azhar Jamaluddin, Maslawati Mohamad, Erne Hayaty Osman, Muhammad Nur Asyraf Nordin & Aminamul Saidah Mad Nordin. (2023). Underprivileged student education aid policy: issues, challenges and strategies. *International Journal of Academic Research In Business and Social Sciences*, 13(12), 3081-3094.
- Bulut, O., Wongvorachan, T., He, S., & Lee, S. (2024). Enhancing high-school dropout identification: A collaborative approach integrating human and machine insights. *Discover Education*, 3, 109.
- Danggat Chabo, Tarmiji Masron, Norita Jubit, & Azizul Ahmad. (2024). Analisis corak ruangan keciciran murid sekolah menengah di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(9), 1-16.
- Desai, R., Magan, A., Ruitter, R. A. C., Reddy, P. S., & Mercken, L. A. G. (2024). Understanding why youth drop out of school in South Africa. *SAGE Open*, 14(1), 1–10.
- Erne Hayaty Osman, & Bity Salwana Alias. (2023). Penerokaan terhadap amalan pengurusan keperluan murid B40. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia*, 1(1), 74–83.
- Gay, L. R., & Airasian, P. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application (7th ed.)*. NJ: Pearson Education.
- Heradstveit, O., Hysing, M., Boe, T., Nilsen, S. A., Sivertsen, B., Bretteville-Jensen, A. L., & Askeland, K. G. (2024). Prospective associations between adolescent risky substance use and school dropout and the role of externalising and internalising problems. *Nordic Studies on Alcohol and Drugs*, 41(1), 24–38.
- Institut Aminuddin Baki. (2006). *Standard kompetensi kepengetuaan sekolah Malaysia*. Institut Aminuddin Baki.
- Jackson, S. L. (2006). *Research methods and statistics: A critical thinking approach* (2nd ed.). Thomson & Wadsworth.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2022*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Garis panduan mengurus murid berisiko cicer di sekolah*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Laporan tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025: 2023*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025: Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Pelan strategik Kementerian Pendidikan Malaysia 2024–2030*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370–396.

- Maslow, A. H. (1954). *Motivation and personality*. Harper & Row.
- Mendoza-Lira, M., Muñoz-Jorquera, S., Ballesta-Acevedo, E., & Covarrubias-Apablaza, C. (2024). Facilitators and barriers for retention of migrant students in Chile: Experiences of four schools in Valparaíso. *Pedagogía Social. Revista Interuniversitaria*, 44, 217–231.
- Muhammad Nur Asyraf Nordin, & Bity Salwana Alias. (2020). Amalan pemimpin dalam memenuhi keperluan murid dan tahap pencapaian murid golongan B40 di Negeri Kelantan. *Malaysia International Convention on Education Research and Management (MICER 2020)*. International Islamic University Malaysia.
- Norfarahzatul Asikin Zakari, Mohamad Zuber Abd. Majid, & Muhammad Hussin. (2022). Keciciran murid sekolah di Malaysia: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), 1–11.
- Paraman, M., & Rosila Bee Mohd Hussain. (2022). Peer's pressure effects: Secondary school student's dropout behaviour and young offenders. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(2), 142–159.
- Pellegrini, M., Pannone, C., Fadda, D., Scalas, L. F., Vivaret, G., & Neitzel, A. (2025). PROTOCOL: Prevention, intervention, and compensation programs to tackle school dropout: An evidence and gap map. *Campbell Systematic Reviews*, 21, e70032.
- Requena, M., & Valdés, M. T. (2024). Are younger students more likely to drop out? Spanish evidence on the moderator role of gender and social origin. *European Journal of Education*, 59, e12753. <https://doi.org/10.1111/ejed.12753>
- Ressa, T., & Andrews, A. (2022). High school dropout dilemma in America and the importance of reformation of education systems to empower all students. *International Journal of Modern Education Studies*, 6(2), 423–447.
- Shuja, A., Ali, A., Khan, S. S. A., Burki, S. B., & Bilal, S. (2022). Perspectives on the factors affecting students' dropout rate during COVID-19: A case study from Pakistan. *SAGE Open*, 12(2), 1–15.
- Syahidah Haziyyah Sulaiman, & Jamal @ Nordin Yunus. (2021). Pelaksanaan pengurusan pelajar SPM 2020 berdasarkan model kompetensi kepimpinan perubahan di SMKA Baling: Suatu keberkesanan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(7), 396–407.
- Tabachnick, B.G. & Fidell, L.S. (2001) *Using Multivariate Statistics*. 4th Edition, Allyn and Bacon, Boston.
- UNESCO. (2024). *World education statistics 2024*. UNESCO Institute for Statistics.